

STATISTIK KERATAN AKHBAR APRIL 2024

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	PTPTN UMUM DIVIDEN SIMPANAN SSPN 3.60 PERATUS	BERITA HARIAN MS 15	07 April 2024	KPT
2	PENERBIT BUKU RUGI GARA-GARA LANUN DIGITAL	BERITA HARIAN MS 33	07 April 2024	PERPUSTAKAAN
3	PINDAAN AUKU, MAMPU PERKASA MPP	BERITA HARIAN MS 18	08 April 2024	KPT
4	JOHOR SEDIA 23 BAS BAWA PULANG MAHASISWA 11 IPT PULANG	BERITA HARIAN MS 08	08 April 2024	KPT
5	AIDILFITRI KEMENANGAN HASIL BERJUANG MELAWAN NAFSU	HARIAN METRO MS 15	08 April 2024	AGAMA
6	BERSATU PADU, BUKAN PECAH BELAH	UTUSAN MALAYSIA MS 16	08 April 2024	RENCANA
7	MENYEGARKAN GERAKAN PELAJAR & KEGIATAN KAMPUS	HARIAN METRO MS 14	15 April 2024	KPT
8	SISTEM LEMAH PUNCA TERBABIT RASUAH	UTUSAN MALAYSIA MS 17	15 April 2024	RENCANA
9	BEBERAPA FAKULTI DI IPT DIKHUATIRI BERDEPAN ISU KEKURANGAN SISWA	BERITAHARIAN MS 09	24 April 2024	KPT
10	89 PERATUS PELAJAR MELAYU DIKESAN TAK MINAT SUBJEK STEM	BERITA HARIAN MS 09	24 April 2024	SEMASA
11	PROGRAM ILKBS LAHIRKAN GENERASI BERINOVASI	BERITA HARIAN MS 11	25 April 2024	KPT
12	BERTARAF KELAS DUNIA DALAM PENGHINAAN	UTUSAN MALAYSIA MS 14	26 April 2024	RENCANA
13	RM1K SEORANG UNTUK 21 ANAK MANGSA	HARIAN METRO MS 06	26 April 2024	KPT
14	SSPA ANTARA TERBAIK PERNAH DIPERKENAL	BERITA HARIAN MS 06	26 April 2024	SEMASA
15	'SERAH LAPORAN LAWATAN MENGEJUT SETIAP ENAM BULAN'	BERITA HARIAN MS 02	27 April 2024	SEMASA
16	UNIVERSITI PERLU TAPIS PROGRAM ELAK KONTROVERSI	BERITA HARIAN MS 03	27 April 2024	KPT
17	KPT TIDAK SEKAT KEBASAN AKADEMIK UNIVERSITI	SINAR HARIAN MS 10	27 April 2024	KPT
18	PELIHARA MARTABAT DIRI DENGAN SIFAT DIANJUR AGAMA	HARIAN METRO MS 15	29 April 2024	AGAMA
19	TRANSFORMASI KAD MATRIK	HARIAN METRO MS 07	30 April 2024	KPT
20	REBUT PELUANG IKUTI PENGAJIAN TVET DI JERMAN	BERITA HARIAN MS 17	30 April 2024	KPT

JUMLAH KESELURUHAN : 20

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PTPTN UMUM DIVIDEN SIMPAN SSPN 3.60 PERATUS

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 15

TARIKH : 06/04/2024

PTPTN umum dividen Simpan SSPN 3.60 peratus

Putrajaya: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengumumkan agihan dividen Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) 2023 sebanyak 3.60 peratus membabitkan anggaran peruntukan RM357.65 juta.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata ia akan memberi manfaat kepada 6.25 juta pendeposit akaun Simpan SSPN.


Menurutnya, jumlah keseluruhan agihan dividen adalah RM1.69 bilion.

Pemberian dividen 3.60 peratus bagi 2023 lebih tinggi berbanding agihan sebanyak 3.05 peratus pada 2022 sejak diperkenalkan pada 2004.

Katanya, pemberian dividen lebih tinggi ini sekali gus menunjukkan kecekapan PTPTN dalam pengurusan dana simpanan dengan efektif berlandaskan tadbir urus cemerlang, berintegriti dan strategik bagi memastikan pulangan optimum kepada pelanggan.

"Pemberian dividen tinggi ini disokong oleh pulangan pelaburan yang positif dengan keuntungan pelaburan deposit bagi tahun 2023 berjumlah RM446.22 juta," katanya pada sidang media Pengumuman Dividen SSPN 2023 di kementeriannya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi



Zambry pada Pengumuman Dividen Simpanan SSPN 2023 di Lobi Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya, semalam.

(Foto Saifullizam Tamadi/BH)

PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim; Ketua Setiausaha KPT, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang dan Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid.

Pembayaran dividen akan dimasukkan terus ke akaun Simpan SSPN dan pendeposit boleh

membuat semakan penyata masing-masing melalui aplikasi myPTPTN bermula hari ini.

Pada 2023, deposit Simpan SSPN yang diterima adalah sebanyak RM3.15 bilion, manakala 513,002 akaun baharu turut direkodkan.

Zambry berkata, peningkatan kadar dividen ini bersesuaian dengan peningkatan Kadar Dasar Semalaman Bank Negara yang meningkat 0.25 peratus pada tahun lalu.

Katanya, bagi jumlah keseluruhan deposit terkumpul Simpan

SSPN sejak 2004 sehingga 31 Disember 2023 adalah berjumlah RM17.39 bilion melibatkan 6.25 juta akaun.

"Prestasi memberangsangkan ini menunjukkan keyakinan dan sokongan pendeposit kekal utuh berterusan," katanya.



Penerbit buku rugi gara-gara lanun digital

Teknik menggodam dalam talian, memuat turun kandungan e-buku rancak ketika awal era pandemik hingga hari ini

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kemajuan teknologi menjadi alternatif penerbitan buku bagi merencanakan perniagaan, namun pada masa sama ia membuka ruang luas kepada aktiviti cetak rompak digital.

Hal ini menyaksikan buku, komik serta majalah yang memperoleh jualan tinggi di pasaran menjadi sasaran cetak rompak dan dijual sebagai fail 'PDF atau e-buku' secara berleluasa dalam platform e-dagang.

Lazimnya penjual e-buku cetak rompak itu membuat salinan daripada naskhah asal sebelum menjualnya melalui platform e-dagang terkemuka.

Timbalan Pengarah UUM Press, Universiti Utara Malaysia, Rosma Ishak, berkata ketika ini penerbit buku di pusat pengajian tinggi berdepan cabaran apabila terdapat premis fotokopi menyediakan buku salinan cetak rompak lengkap dan dijual secara terbuka dengan harga lebih murah daripada naskhah asal.

"Mereka mencetak rompak buku teks rujukan yang diterbitkan oleh penerbit universiti dan hal ini pernah dialami sendiri UUM Press.

"Teknik menggodam dalam talian dan memuat turun kandungan e-buku dalam kalangan pelajar rancak ketika awal era pandemik dan berlarutan hingga hari ini.

"Walaupun Akta Hak Cipta 1987 wujud 36 tahun lalu, namun kegiatan cetak rompak buku terus berlaku dan sukar dibendung. Kesannya, perbuatan menjual salinan langgaran secara haram memberikan impak terhadap ekonomi pemilik hak cipta hingga menyebabkan hasil jualan penerbit berkurangan dan baki stok memenuhi ruang stor buku.

"Titik peluh pencipta idea bukan

saja tidak dihargai tetapi diambil sewenang-wenangnya pihak lain untuk mengaut keuntungan segera," katanya ketika pembentangan kertas kerja Hak Cipta dan Karya yang turut membariskan Profesor Undang-undang Teknologi Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Nazura Abdul Manap; Pengarah Jabatan Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Fauzilahyaton Mustafa dan Pengarah Urusan Rimau Rights Sdn Bhd, Mohd Azree Mohd Ariffin.

Pembentangan kertas kerja itu sebagai sebahagian pengisian Seminar Kebangsaan Penerbitan Buku Berbahasa Melayu yang diadakan di Wisma DBP, baru-baru ini.

Permintaan tinggi

Rosma berkata, aktiviti salinan langgaran iaitu membuat salinan cetak rompak tanpa kebenaran pemilik hak cipta kini beralih kepada kegiatan cetak rompak digital yang meliputi perbuatan membuat salinan dan berkongsi e-buku atau kandungan tanpa kebenaran pemilik hak cipta.

"Di negara ini, karya bertulis atau digital tidak perlu didaftarkan kerana hak cipta terpakai secara automatik apabila sesebuah buku atau karya diterbitkan.

"Permintaan tinggi mendorong pihak tidak bertanggungjawab mengeluarkan naskhah cetak rompak selain ia berlaku disebabkan kelemahan infrastruktur dalam penerbitan buku dan pemasaran," katanya.

Dalam pada itu, katanya nilai rampasan di bawah Akta Hak Cipta 1987 ialah RM1.27 juta tahun lalu, berbanding 2022 tiada sebarang kes direkodkan.

Katanya, UUM Press juga berdepan fenomena cetak rompak digital dalam talian, kegiatan salinan premis fotokopi, jualan salinan di platform e-dagang dan mereka mengambil

langkah dengan membuat peman-tauan sendiri bagi mengelakkan kehilangan hasil komersil itu.

Sementara itu, Fauzilahyaton menegaskan, mematuhi Akta Hak Cipta 1987 termasuk etika penerbitan adalah perkara penting dalam dunia penerbitan di negara ini bagi mengelakkan sabitan atau tuduhan yang boleh memberikan implikasi terhadap pelaku seperti tindakan undang-undang, implikasi kewangan dan terjejas imej individu atau organisasi.

Katanya, antara etika perlu dipatuhi dalam penulisan ialah sikap jujur penulis berkaitan ketetapan fakta, tidak direka-reka; bebas plagiarisme ialah tidak mencipta karya orang lain; pelindung hak cipta; keabsahan dengan penulis perlu menjelaskan idea dengan baik serta etika terakhir iaitu kebolehpercayaan, hasil karya perlu diambil daripada data benar dan sahih.

"Justeru, DBP berusaha memastikan manuskrip diterima mematuhi piawaian ditetapkannya termasuk penulis perlu mendapatkan keizinan daripada sumber asal sekiranya ilustrasi, gambar, petikan dan karya adaptasi atau terjemahan yang diambil daripada sumber orang lain sebelum menghantarnya kepada DBP.

"Bagi memberikan kesedaran dan kefahaman lebih jelas mengenai aspek hak cipta, DBP turut mengadakan pelbagai aktiviti seperti seminar, wacana dan sesi dialog berkaitan hak cipta dan kursus penguasaan ilmu mengenai aspek hak cipta kepada calon penulis dan pemain industri penerbitan," katanya.

Langgar hak cipta

Sementara itu Nazura pula, orang ramai perlu memahami tujuan urusan wajar iaitu istilah undang-undang yang digunakan untuk menentukan sama ada penggunaan bahan hak cip-

ta sah atau ia melanggar hak cipta.

Dalam hal itu katanya, ia berdasarkan empat perkara iaitu tujuan pembelajaran persendirian, penyelidikan tanpa keuntungan, pelaporan peristiwa semasa dan kritikan dan ulasan.

"Namun apa yang perlu difahami, urusan wajar itu tiada definisi khusus dalam Akta Hak cipta 1987. Sebaliknya ia persoalan mengenai fakta, tahap dan tanggapan dalam setiap kes.

"Persoalannya bagaimana seorang berfikir adil dan jujur akan berurusan dengan hasil karya itu? Ia kerana ada keperluan merujuk kes yang diputuskan oleh mahkamah berkaitan urusan wajar.

"Terdapat elemen urusan wajar yang dibentuk daripada keputusan mahkamah," katanya.

Tambahnya, syarat pemakaian pengecualian hak cipta membenarkan penghasilan semula dan hak eksklusif lain - dalam kes khas, tiada konflik dengan eksploitasi dengan ada tiga peruntukan berkaitan, Seksyen 13(2)(a) Akta Hak Cipta 1987, Seksyen 9 (4) Akta Hak Cipta 1987, Seksyen 9(5) Akta Hak Cipta 1987.

▲
Dari kiri, Nazura, Fauzilahyaton, Ketua Editor Bahagian Majalah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr Rosmani Omar, Mohd Azree dan Rosma membentangkan kertas kerja pada Seminar Kebangsaan Penerbitan Buku Berbahasa Melayu di Wisma DBP, baru-baru ini. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)



Pendidikan

Isnin,
8 April 2024

bhpendidikan@bh.com.my

→ Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Fokus

(Fotofhian)

Pindaan AUKU, mampu perkasa MPP

AUKU sudah dipinda tujuh kali sejak mula diwujudkan pada 1971

Oleh **Muhamad Lokman Khairi**
bhpendidikan@bh.com.my

Sejak diwujudkan pada 1971, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) sudah dipinda sebanyak enam kali justeru pindaan kali ketujuh yang diluluskan minggu lalu tentu saja seperti disebut dalam Dewan Rakyat akan memperkasakan institusi mahasiswa dengan membuka ruang kepada mereka menguruskan organisasi di kampus secara lebih bebas.

Is selari dengan pandangan pelbagai pihak yang menyebut budaya berorganisasi dalam kalangan pelajar semakin lesu dan perlu dibugarkan.

Ketika AUKU diperkenalkan, ia hanya mempunyai 27 seksyen tetapi ia bertambah menjadi 44 seksyen selepas beberapa kali pindaan. Namun daripada semua seksyen itu, hanya dua yang paling kerap disebut iaitu Seksyen 15 dan 16.

Justeru apabila kerajaan meluluskan pindaan membabitkan Seksyen 15, Seksyen 16B, Seksyen 48(4), Seksyen 48(11), Seksyen 48(12) dan Seksyen 49(2) Jadual Pertama AUKU, ia memberi harapan kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), untuk menjayakan pelbagai program yang akan bermanfaat kepada mahasiswa.

Dari satu segi, pindaan itu turut menyaksikan tindakan tata-tertib ke atas pelajar di universiti awam tidak lagi tertakluk di bawah kuasa naib cancelor; sebaliknya diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar iaitu menerusi pindaan Seksyen 16B AUKU.

Yang Dipertua MPP Universiti Putra Malaysia (UPM), Umairah Farisah Ahmad Yuzri, berkata secara umum pindaan yang dibuat kepada AUKU memberi lebih ruang kepada pemerikasaan budaya berorganisasi dalam kalangan mahasiswa.

Katanya, sebagai contoh pindaan Seksyen 15A misalnya, membolehkan MPP memungut wang dan menerima sumbangan dengan lebih fleksibel serta kurang birokrasi. Apatah lagi ia diperkaskan dengan pindaan Seksyen 48(11) yang membenarkan MPP membuka dan mengurus akaun dengan mana-mana institusi kewangan yang sah.

"Pindaan itu membolehkan MPP melaksanakan program yang memanfaatkan mahasiswa dengan lebih berkesan.

"Hal ini juga memudahkan MPP mendapat tajaan untuk melaksanakan program seperti kebajikan dan pembolehdayaan mahasiswa di universiti masing-masing.

"Sebelum ini, kami menghadapi kekangan undang-undang dalam memungut dan menerima sumbangan kerana tiada akaun untuk menguruskan wang secara terus," katanya.

Mengurus sumbangan

Amalan biasa katanya, sumbangan akan dimasukkan dalam akaun universiti yang membabitkan birokrasi panjang dan jika membabitkan pelaksanaan program dengan segera, urusan itu

akan menjadi bebanan.

Justeru katanya, kebenaran untuk MPP membuka akaun rasmi memudahkan mereka menjalankan program menggunakan dana tajaan selain berpeluang menjalankan perniagaan yang boleh memberi pendapatan tambahan.

Nada sama disuarakan Yang Dipertua MPP Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Megat Muhammad Daniel Azlinzal yang menyebut sekiranya undang-undang membenarkan badan pelajar seperti MPP menguruskan akaun dan memungut sumbangan, ia akan memendekkan proses yang sebelum ini mempunyai banyak urutannya.

"Kekangan yang dihadapi oleh MPP adalah setiap program yang memerlukan sumbangan luar perlu menempuhi proses yang panjang untuk mendapatkan kelulusan daripada pengurusan universiti.

"Melalui pindaan terhadap Seksyen 15A AUKU, MPP dapat bergerak lebih bebas untuk mendapatkan tajaan daripada pihak luar dengan lebih mudah kerana prosedur yang memakan masa yang lama sebelum ini akan dipendekkan," katanya.

Yang Dipertua MPP Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Ahmad Nabil Nazari pula berkata, prosedur pemungutan wang ketika ini adalah agak sukar sehingga memberi kesan kepada MPP dan badan pelajar lain.

Beliau menjelaskan, sumbangan syarikat luar perlu melalui akaun universiti memandangkan ia dikira sebagai akaun rasmi.

"Apabila pindaan akta ini dibuat, saya yakin setiap sumbangan dapat disalurkan terus ke akaun MPP atau kelab persatuan masing-masing seterusnya memudahkan

pengurusan kewangan secara terus oleh entiti badan pelajar yang terbabit," katanya.

Perlu kriteria tetap

Sementara itu, bagi pindaan ke atas Seksyen 48(4) Jadual Pertama AUKU, membolehkan pihak berkuasa universiti iaitu lembaga menguruskan tempoh pelantikan MPP dalam tempoh peralihan selepas tamat tempoh lantikan sehingga pilihan raya kampus diadakan, dengan tempoh lantikan 'ahli kabinetnya' dipinda daripada satu tahun kepada satu tahun akademik.

Sebelum ini *BH* melaporkan Mahasiswa Progresif Universiti Malaya (Mahasiswa Progresif) menggesa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperincikan prosedur tempoh lantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang dipinda dalam Seksyen 48(4) AUKU bagi mengelak dimanipulasi oleh pihak tertentu.

Mahasiswa Progresif dilaporkan berkata, jika keputusan penetapan tempoh perkhidmatan MPP sama ada akan dipanjangkan atau dipendekkan kelak hanya mengikut kehendak Ahli Lembaga, keputusan itu akan dibuat tanpa memberikan sebarang justifikasi atas keputusan yang diambil.

Dalam hal ini, Umairah Farisah berkata, perkara itu wajar dijelaskan segera bagi merungkai permasalahan terbabit.

"Pada saya ia belum lagi mendapat kata putus, tujuan asal pindaan ini pada hemat saya adalah untuk selaraskan tempoh pelantikan MPP baharu di seluruh universiti awam.

"Jika sesi MPP pendek, ia akan memberi kesan kepada keberhasilan pembawaan MPP pada sesi itu, jika tempohnya panjang, tampuk

Pindaan itu membolehkan MPP melaksanakan program yang memanfaatkan mahasiswa dengan lebih berkesan

Umairah Farisah
Ahmad Yuzri,
Yang Dipertua
MPP UPM



Kekangan yang dihadapi MPP adalah setiap program yang memerlukan sumbangan luar perlu menempuhi proses panjang untuk didapatkan kelulusan daripada pengurusan universiti



Megat Muhammad
Daniel Azlinzal,
Yang Dipertua
MPP UMT

Apabila pindaan akta ini dibuat, saya yakin setiap sumbangan dapat disalurkan ke akaun MPP dan memudahkan pengurusan kewangan secara terus oleh entiti badan pelajar terbabit

Ahmad Nabil
Nazari,
Yang Dipertua
MPP UniMAP



kepemimpinan akan lebih stabil kerana banyak pembaharuan dapat dilaksanakan.

Nada sama turut ditegaskan Megat Muhammad Daniel yang berpandangan dakwaan kesatuan mahasiswa itu berasas dan mengakui ada ruang yang boleh dieksploitasi.

"Maka saya menuntut diwujudkan suatu penetapan kriteria bagi Lembaga melanjutkan atau memendekkan tempoh perkhidmatan MPP," katanya.



ISIN 8 APRIL 2024	IMSAR	BERBUKA
PERLIS		
Seluruh negeri Perlis	5:55 pg	7:29 mlm
KEDAH		
ZON I Kota Setar, Kubang Pasu & Pokok Sena	5:55 pg	7:28 mlm
ZON II Pendang, Kuala Muda & Yan	5:55 pg	7:28 mlm
ZON III Padang Terap & Sik	5:54 pg	7:27 mlm
ZON IV Baling	5:54 pg	7:26 mlm
ZON V Kulim & Bdr Baharu	5:55 pg	7:27 mlm
ZON VI Langkawi	5:57 pg	7:30 mlm
ZON VII Puncak Gunung Jerai	5:50 pg	7:31 mlm
PULAU PINANG		
Seluruh negeri Pulau Pinang	5:56 pg	7:28 mlm
PERAK		
ZON I Tapah, Slim River & Tanjung Malim	5:53 pg	7:24 mlm
ZON II Ipoh, Batu Gajah, Kampar, Sg Siput & Kuala Kangsar	5:54 pg	7:25 mlm
ZON III Pengkalan Hulu, Grik & Lenggong	5:53 pg	7:25 mlm
ZON IV Temengor & Belum	5:52 pg	7:24 mlm
ZON V Teluk Intan, Bagan Datuk, Kg Gajah, Seri Iskandar, Beruas, Parit, Lumut, Sitiawan & Pulau Pangkor	5:55 pg	7:26 mlm
ZON VI Selama, Taiping, Bagan Serai & Parit Buntar	5:55 pg	7:27 mlm
ZON VII Bukit Larut	5:54 pg	7:30 mlm
SELANGOR		
ZON I Gombak, Petaling/Shah Alam, Hulu Selangor, Hulu Langat & Sepang	5:52 pg	7:22 mlm
ZON II Kuala Selangor & Sabak Bernam	5:54 pg	7:24 mlm
ZON III Klang, Kuala Langat	5:53 pg	7:22 mlm
WILAYAH PERSEKUTUAN		
Kuala Lumpur & Putrajaya	5:52 pg	7:22 mlm
KELANTAN		
ZON I Jajahan Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, Machang, Kuala Krai & Gua Musang (Mukim Chiku)	5:48 pg	7:21 mlm
ZON II Jajahan Jeli & Gua Musang (Mukim Galas & Bertam) Lojing	5:51 pg	7:22 mlm
TERENGGANU		
ZON I Kuala Terengganu, Marang & Kuala Nerus	5:45 pg	7:17 mlm
ZON II Besut & Setiu	5:47 pg	7:19 mlm
ZON III Hulu Terengganu	5:47 pg	7:18 mlm
ZON IV Kemaman & Dungun	5:46 pg	7:17 mlm
PAHANG		
ZON I Pulau Tioman	5:42 pg	7:10 mlm
ZON II Rompin, Pekan, Muadzam Shah & Kuantan	5:47 pg	7:16 mlm
ZON III Maran, Jengka, Chenor, Temerloh, Bera & Jerantut	5:49 pg	7:19 mlm
ZON IV Bentong, Raub & Lipis	5:50 pg	7:21 mlm
ZON V Genting Sempah, Bukit Tinggi & Janda Baik	5:50 pg	7:24 mlm
ZON VI Cameron Highlands, Bukit Fraser & Genting Highlands	5:51 pg	7:28 mlm
MELAKA		
Seluruh negeri Melaka	5:50 pg	7:19 mlm
NEGERI SEMBILAN		
ZON I Jempol dan Tampin	5:50 pg	7:18 mlm
ZON II Kuala Pilah, Rembau & Jelebu	5:50 pg	7:19 mlm
ZON III Seremban, Port Dickson	5:51 pg	7:20 mlm
JOHOR		
ZON I Pulau Aur, Pulau Pemanggil	5:41 pg	7:10 mlm
ZON II JB, Kulaijaya, Kota Tinggi & Mersing	5:45 pg	7:12 mlm
ZON III Pontian dan Kluang	5:46 pg	7:13 mlm
ZON IV Batu Pahat, Muar, Ledang, Tangkak, Segamat & Gemas Johor	5:48 pg	7:17 mlm
SARAWAK		
Kuching	5:20 pg	6:48 mlm
SABAH		
Kota Kinabalu	4:52 pg	6:25 mlm

Johor sedia 23 bas bawa mahasiswa 11 IPT pulang

Inisiatif bantu kurang beban kos pengangkutan, pastikan penuntut selamat balik

Johor Bahru: Kerajaan Johor menyediakan 23 bas bagi membawa pulang 1,000 mahasiswa dari negeri itu yang menuntut di 11 institusi pendidikan tinggi (IPT) seluruh negara secara percuma sempena perayaan Aidilfitri.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan negeri, Aznan Tamin, berkata kerajaan negeri memperuntukkan RM100,000 menerusi inisiatif Program Jom Balik Raya Bas Percuma Mahasiswa Johor Sempena Cuti Perayaan Aidilfitri 2024 yang bermula pada 29 Mac lalu hingga kelmari.

"Inisiatif ini bagi memastikan mahasiswa Johor yang merantau jauh di IPT seluruh Malaysia pulang ke selatan tanah air dengan selesa dan selamat serta dapat me-



UMPSA menyediakan 17 bas kepada 600 pelajar untuk pulang ke kampung bagi menyambut Aidilfitri.

(Foto ihsan UMPSA)

ngurangkan bebanan kos pengangkutan untuk beraya bersama keluarga," katanya dalam kenyataan, semalam.

Aznan berkata, antara IPT terabit adalah Universiti Malaysia Perlis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Universiti Malaysia Terengganu.

Beliau berkata inisiatif itu turut mendapat kerjasama Yayasan Pela-

jaran Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Gabungan Anak Johor dan Persatuan-Persatuan Mahasiswa Anak Johor.

Sementara itu di **Kuantan**, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) turut menyediakan 17 bas kepada kira-kira 600 pelajar untuk pulang ke kampung.

Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserrrie Zainuddin, berkata ia membabitkan perjalanan ke sem-

bilan destinasi iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan, Terengganu, Johor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Katanya, ia hasil kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan tajaan anak negeri untuk pulang ke kampung bermula semalam dan kelmari. **BERNAMA**

Sekitar Ramadan



Suasana di Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, sesak dengan orang ramai membeli keperluan Aidilfitri.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)



Kanak-kanak menyalakan bunga api di panjut buluh sempena malam tujuh likur di Kampung Bukit Kuching Tengah, Jeram.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)



Orang ramai mengambil kesempatan berbuka puasa di Taman Panoramik berlatar belakang Jambatan Drawbridge, Kuala Terengganu.

(Foto Ghazali Kori/BH)



Orang ramai berpusu-pusu mendapatkan barangan basah dan kering pada Program Semarak Syawal Agro MADANI di Simpang Pertang, Jelebu, semalam.

(Foto Azrul Edham/BH)



Bersatu padu, bukan pecah belah

MUKADIMAH

POLEMIK berhubung isu kaum, agama dan raja (3R) yang berlaku sejak kebelakangan ini termasuk isu stoking yang tertera kalimah Allah dilihat menggugat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

Namun, ramai pula yang mempersoalkan peranan Kementerian Perpaduan dalam mengelakkan serta mengawal isu-isu sensitif berkenaan.

Justeru, wartawan *Utusan Malaysia*, **MAISARAH SHEIKH RAHIM** dan **AHMAD FADHLULLAH ADNAN** menemu bual **MENTERI PERPADUAN, DATUK AARON AGO DAGANG** bagi mendapatkan perspektif beliau. Turut dibantu jurufoto, **FAISOL MUSTAFA**.

PA peranan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bagi agenda perpaduan?

KPN ditubuhkan semula pada 20 Mac 2020 selepas melalui beberapa siri revolusi dan transformasi. KPN berperanan meletakkan agenda perpaduan sebagai keutamaan yang perlu diuruskan dengan lebih tersusun dan inklusif melalui sistem tadbir urus yang lebih berkesan. Tiga peringkat jawatankuasa juga ditubuhkan bagi memantapkan tadbir urus perpaduan. Ia melibatkan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN); Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak (MEXUnity); dan Jawatankuasa Keharmonian antara penganut agama (HARMONI).

Dari segi perpaduan, langkah-langkah yang diadakan oleh kerajaan pada masa itu adalah menubuhkan kawasan keselamatan dinamakan Rukun Tetangga (KRT). KRT adalah jentera perpaduan KPN. Banyak perubahan evolusi Rukun Tetangga ini. Pada 1983, Rukun Tetangga ini menjadi rukun tapak atau platform integrasi. Kemudian berkembang lagi kepada konsep pembangunan komuniti pada 2020. Pada 2021, ia menjurus kepada empat gerak kerja iaitu Sejahtera, Selamat, Sihat dan Bersih. Tahun ini, kita buat pelan tindakan untuk kawasan KRT progresif ini dan tumpu lapan bidang. Pertama, keselamatan komuniti, pendidikan, ekonomi dan sara hidup, daya cipta, alam sekitar, kepimpinan, kesejahteraan serta warisan dan budaya.

e-SEPAKAT KESAN ISU 3R

Boleh perincikan tentang Rukun Tetangga?

Setakat ini, 8,438 KRT ditubuhkan di seluruh negara dengan ahli seramai hampir 210,000 orang di seluruh negara. KRT adalah jentera utama kementerian. Setiap program diadakan memang melibatkan KRT yang dikendalikan Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (JPNIN) di setiap negeri sampai daerah. Dalam semua KRT, kita mempunyai pelbagai aktiviti antaranya skim rondaan sukarelawan (SRS). Di bawah KRT juga kita mempunyai empat kelompok utama seperti tunas muda, jiran muda, warga emas dan wanita.

Di kawasan KRT juga kita mempunyai sistem e-Sepakat untuk membuat pemantauan ke atas isu-isu berbangkit dalam kawasan dan antara penduduk di sana. E-Sepakat ini adalah untuk kita memantau terutamanya isu kaum, agama dan raja (3R).

Boleh terangkan secara menyeluruh mengenai e-Sepakat?

E-Sepakat diperkenalkan sebagai mekanisme dalaman JPNIN bertujuan pengesanan, pemantauan dan pelaporan isu perpaduan secara digital. Penggunaan sistem ini melibatkan peranan pengguna dalam kalangan pegawai perpaduan di peringkat daerah, negeri dan ibu pejabat secara menyeluruh. Sistem ini juga merupakan pusat pengumpulan data utama bagi pengurusan isu perpaduan di bawah kementerian.

Setiap maklumat yang direkodkan dalam e-Sepakat akan dianalisis untuk membina statistik dan pelaporan. KPN melalui JPNIN akan menyediakan laporan



Sebab itu isu yang timbul dari segi 3R, bukan kata kita tak terlibat. Tetapi kita tidak ada taring."

isu perpaduan secara berkala seperti laporan mingguan, bulanan dan tahunan. Maklumat ini turut dikongsi bersama rakan-rakan strategik kementerian seperti PDRM, MKN, SKMM serta termasuk dibentangkan di kabinet melalui Nota Jemaah Menteri secara suku tahun.

Pelaporan yang disediakan ini membantu pihak kementerian dan kerajaan untuk mengukur tahap keharmonian masyarakat dan menjadi panduan dalam pembuatan keputusan pengurusan tertinggi khususnya yang melibatkan program dan aktiviti pencegahan serta intervensi untuk mengatasi isu-isu yang berbangkit.

ISU 3R MEMBIMBANGKAN?

Kita memang bimbang, apa-apa sahaja isu yang menyentuh 3R ini menjadi isu sangat sensitif dan kita perlu elakkan. Tidak ada tempat bagi keganasan dalam masyarakat kita dan setiap individu yang terlibat dalam tindakan sedemikian perlu dihadapakan kepada keadilan yang sewajarnya. Perbuatan ini bukan sahaja melanggar undang-undang negara, tetapi juga mengancam ketenteraman dan keamanan dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa, ras, etnik dan agama.

Justeru, saya menyeru

kepada semua pihak agar tidak membuat sebarang tindakan serta berhenti mengeluarkan kenyataan yang boleh mencetuskan polemik perkauman dan menggugat sensitiviti masyarakat berbilang bangsa. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, adalah menjadi kewajipan kita untuk mempertahankan keamanan dan keharmonian negara dengan tidak melakukan perbuatan provokasi dan keganasan yang akan mengakibatkan konflik dan kekacauan.

Kita memang faham kalau isu-isu 3R itu akan menyinggung pihak berkenaan dan kalau tidak ditangani ia akan jadi masalah lebih besar di negara kita. Memang bukan senang, tetapi kementerian ini merangka setiap program untuk melibatkan semua bangsa supaya interaksi atau integrasi dalam aktiviti itu dapat dirasai, dihormati dan difahami oleh semua golongan di Malaysia.

Saya percaya bahawa solidariti dan semangat kebersamaan rakyat Malaysia akan menjadi benteng utama menangani ancaman terhadap perpaduan dan keharmonian negara. Keamanan negara dan perpaduan rakyat adalah tanggungjawab bersama yang wajib dipikul oleh kita semua.

KPN TIADA TARING

Apakah usaha yang dilaksanakan dalam mengurus isu perpaduan?

KPN bukanlah sebuah agensi penguatkuasaan tetapi sebaliknya antara agensi sokongan yang sentiasa membantu pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Majlis Keselamatan

Negara dalam pengurusan isu perpaduan. Kadangkala masyarakat awam tidak mengetahui tentang ini dan beranggapan KPN boleh mengambil tindakan terhadap isu-isu perpaduan khususnya isu 3R yang melanda negara kita.

Namun, walaupun kami tiada kuasa atau peruntukan khas seperti akta untuk mengambil tindakan-tindakan dari segi perundangan, tetapi kementerian melalui JPNIN berperanan penting dalam membantu mengurus isu perpaduan. Antara mekanisme pengurusan isu perpaduan yang sedang dilaksanakan oleh JPNIN adalah pengurusan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi melalui sistem E-Sepakat, Dashboard Analitik Perpaduan Mediator Komuniti sebagai pendamai masyarakat serta Jawatankuasa Keharmonian antara penganut agama (JK HARMONI).

Sebab itu isu yang timbul dari segi 3R, bukan kata kita tak terlibat. Tetapi kita tidak ada taring, hanya Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Komunikasi, Akta Hasutan, Akta Mesin dan Cetak, Akta Polis dan Kanun Keseksaan di bawah KDN, manakala Akta Komunikasi dan Multimedia di bawah Kementerian Komunikasi, jadi ini kementerian yang ada taring dan kuasa untuk mengambil tindakan terhadap kesalahan.

INTERVENSI INTEGRASI

Kita buat program intervensi menjurus kepada integrasi. Jadi kadangkala orang salah faham dan selalu marah tetapi apa yang boleh dilakukan? Sebab itu kita cuba dengan peringkat bawah sekali (KRT). Kita

KEMBALI KEPADA FITRAH

Aidilfitri kemenangan hasil berjuang melawan nafsu



Bersama
**Ustaz Hafiz
Za'farani**



Marilah kita melalui Syawal kali ini dengan menjauhi kontroversi dan meningkatkan ilmu kita serta amal kita. Ikutilah amalan yang telah kita lalui sejak turun temurun kerana ia telah melalui tapisan para ulama



Raya yang disambut adalah suatu kemenangan yang diraih oleh umat Islam di atas perjuangan mengalahkan hawa nafsu sepanjang bulan Ramadan. Bulan Ramadan adalah bulan yang mendidik kita sepanjang 24 jam. Bermula dengan bangun sahur yang melatih kita untuk bangun waktu malam bagi melaksanakan ibadah, puasa yang melatih diri kita meninggalkan kehendak hawa nafsu secara zahir atau batin, berbuka puasa yang melatih kita memberi, Tarawih yang melatih diri untuk rajin solat sunat, qiamulail yang melatih kita untuk seronok bermunajat kepada Allah dan iktikaf melatih kita untuk mengikat hati dengan masjid. Kesemua ini dilatih secara pakej dalam bulan Ramadan bagi golongan yang melalui bulan mulia ini dengan sepenuh ketaatan kepada Allah. Hadiah terbesar di bulan Ramadan ialah Lailatul Qadar yang merupakan malam pengampunan, dikabulkan hajat, dilepaskan daripada api neraka dan dilipatkan pahala seperti 1000 bulan.

Ummul Mukminin, Siti Aisyah radhiyallahu anha pernah bertanya kepada Rasulullah, sekiranya menemui Lailatul Qadar, maka doa apa yang perlu dibaca? Lalu Rasulullah menjawab dengan mudah iaitu berdoa: "Ya Allah sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, yang suka mengampunkan, maka ampunilah aku."

Rasulullah SAW mengajar kita amalan untuk malam sebaik 1000 bulan ialah doa pengampunan. Maka tidak hairan apabila dalam suatu hadis Nabi pernah mengaminkan doa malaikat Jibril yang mendoakan celaka bagi orang yang keluar daripada bulan Ramadan dalam keadaan tidak mendapat keampunan. Dapatlah kita fahami bahawa bulan Ramadan adalah bersekitar keampunan daripada Allah yang begitu besar.

Justeru, seseorang yang direzekikan bertemu dengan satu Syawal, maka dia dikurniakan untuk menyambut hari raya Aidilfitri yang



PADA bulan Syawal antara yang dituntut ialah menyambung silaturahmi.

bermaksud Hari Raya Fitrah. Suatu hari yang mana kita seolah-olah bayi yang lahir dalam keadaan fitrah yang suci daripada dosa dan bersih daripada sifat-sifat tercela. Hakikatnya, orang yang mencapai tahap ini dalam ketaatannya pada bulan Ramadan yang sebenarnya layak menyambut Aidilfitri kerana dia merayakan dirinya kembali kepada fitrah. Sewajarnya kita bermuhasabah, adakah dengan amalan kita di bulan Ramadan melayakkan kita menyambut Aidilfitri atau tidak supaya kita berusaha sehabis mungkin untuk menyambut hari yang mulia ini.

Seperti mana tanda haji mabrur ialah amalannya selepas balik adalah sama seperti amalannya di Tanah Suci. Maka demikian juga untuk kita mengetahui sama ada kita memanfaatkan sebaik mungkin keluasan rahmat bulan Ramadan atau tidak adalah dengan kita melihat amalan kita setelah Ramadan adakah sama atau berkurang. Para ulama sepakat bahawa amalan itu memberi kesan kepada keperibadian seseorang. Sebagai contoh, firman Allah:

"Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perkara keji dan mungkar." (al-Ankabut: 45). Kesan daripada orang yang rajin menjaga solatnya ialah dirinya akan terpelihara daripada perbuatan keji dan kemungkaran. Begitu juga amalan lain akan memberi kesan kepada seseorang. Disebabkan itu seseorang yang benar-benar menjalani bulan Ramadan dengan cara yang terbaik pasti akan memberi

kesan pada dirinya setelah Ramadan. Persoalannya adakah kita mengalami perubahan itu setelah Ramadan atau tidak? Marilah kita bermuhasabah.

Pada bulan Syawal antara yang dituntut ke atas kita ialah menyambung silaturahmi. Bertitik tolak daripada itu, para ulama menggalakkan amalan ziarah menziarahi pada hari raya bagi tujuan menyambung silaturahmi dan beramah mesra. Demikian juga amalan memberi duit raya yang merupakan amalan yang dianjurkan dalam agama. Ada yang berpandangan bahawa amalan memberi duit raya diambil daripada budaya Cina yang memberi angpau pada Tahun Baharu Cina. Pandangan ini adalah tidak tepat kerana asas dalam Islam ialah sedekah diberikan kepada orang susah dan hadiah diberikan sebagai tanda berkasih sayang. Oleh itu, duit raya menjadi medium untuk bersedekah dan memberi hadiah pada hari raya yang dituntut untuk kita bersilaturahmi. Amalan ini mempunyai nilai dalam agama dan pasti mendapat pahala kerana telah dipayungi dengan dalil umum tentang bersedekah dan memberi hadiah.

Antara amalan masyarakat Melayu pada hari raya ialah menziarahi kubur ahli keluarga yang telah meninggal dunia. Amalan ini dituduh bidaah sesat oleh sebahagian orang. Tunggu dulu, berhati-hatilah dalam menghukum. Adakah menziarahi kubur adalah perkara yang keji dalam agama? Ayuh kita merujuk kepada pandangan para ulama. Terdapat satu kitab fatwa

terbesar di dunia yang dinamakan Mausuah al-Fiqhiah al-Khuwaitiyyah. Dalam kitab ini menghukumkan ziarah kubur pada hari raya adalah sunat. Manakala dalam kitab fatwa yang lain seperti al-Fatawa al-Hindiyyah menyebutkan masa terbaik bagi menziarahi kubur adalah termasuk hari raya. Fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Jordan pada 2010 pula menyatakan tidak mengapa untuk menziarahi kubur pada hari raya.

Antara dalil yang menjadi hujah oleh sebahagian ulama ialah riwayat daripada Jabir bin Abdillah yang menyatakan bahawa Nabi salallahu alaihi wasallam apabila pergi beraya (untuk solat) maka Baginda akan pergi dan balik melalui jalan yang berbeza. (HR al-Bukhari). Justeru, Imam Badruddin al-Ainiy ketika mensyarahkan hadis ini dalam kitabnya Umdatul Qari dan Imam Ibnu Hajar al-Asqalaniy dalam kitabnya Fathul Bari menyebutkan antara hikmah nabi melalui jalan berbeza ialah untuk menziarahi kubur kaum kerabat Baginda pada kedua-dua jalan. Jelaslah bahawa menziarahi kubur pada hari raya tidak pernah dianggap bidaah sesat oleh para ulama muktabar melainkan ia adalah hukum yang tidak berpaksi kepada realiti.

Masyarakat tanah Melayu menziarahi kubur ahli keluarga pada hari raya adalah kerana pada hari itu mereka boleh pulang ke kampung yang mana bersemadi jasad ahli keluarga mereka tercinta. Mereka tidak menziarahi kubur dengan menganggap mempunyai kelebihan tertentu melainkan mereka berziarah kerana ia adalah masa yang bersesuaian dan ia amalan yang dibenarkan oleh para ulama.

Akhir kalam, marilah kita melalui Syawal kali ini dengan menjauhi kontroversi dan meningkatkan ilmu kita serta amal kita. Ikutilah amalan yang telah kita lalui sejak turun temurun kerana ia telah melalui tapisan para ulama nusantara terdahulu dan mereka tidak menganggapnya salah apatah lagi bidaah sesat. Semoga Syawal kali ini memberi makna yang baharu dalam hidup dan menjadi titik perubahan dalam diri kita.

**Penulis Pengurus Pusat
Kajian Syariah Darul Fitri**

Sistem lemah punca terbabit rasuah



**NOOR
MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

ANGGOTA masyarakat perlu terima hakikat betapa gejala rasuah yang berlaku baik di sektor awam mahupun swasta semakin memudaratkan kehidupan rakyat, kemajuan ekonomi dan pembangunan negara.

Sudah menjadi rahsia umum apabila rasuah di negara ini bersifat struktural dan berlaku di segenap lapisan dalam sesebuah organisasi mencakupi dari kalangan anggota peringkat paling bawah hingga ke tahap pengurusan tertinggi.

Walaupun pelbagai program pencegahan dan penguatkuasaan dilakukan oleh setiap organisasi termasuk pihak berkuasa namun masalah ketirisan, penyelewengan dan salah guna kuasa terus berlaku. Rasuah di sektor awam sentiasa menarik perhatian kerana membabitkan wang rakyat yang memberi impak negatif langsung terhadap kehidupan dan kesejahteraan rakyat serta kemajuan negara.

Dua faktor utama yang dilihat menyumbang kepada gejala rasuah di negara ini ialah ketamakan manusia yang ingin cepat kaya dan kelemahan sistem yang membuka ruang kepada pelaku rasuah.

Baru-baru ini, negara dikejutkan dengan pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan ketirisan mencecah RM2 bilion bagi tempoh tiga tahun lalu akibat kegiatan sindiket penyeludupan membabitkan beberapa anggota kastam di kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Ini sekali lagi membuktikan ketamakan segelintir anggota penguat kuasa yang gelap mata berjaya memanipulasi kelemahan yang ada pada sistem operasi kerja sehingga negara mengalami kerugian yang besar.

Kita perlu akui masih terdapat kelemahan yang ketara dalam sistem dan prosedur kerja yang ada dan ini perlu dibaiki dengan segera, yakni segala kelompangan yang ada wajar ditutup secara bersistematik supaya penularan rasuah dalam sesebuah jabatan itu



SEGALA kelompangan wajar ditutup secara bersistematik supaya penularan rasuah dalam sesebuah jabatan dalam sektor awam dapat dikawal dan dicegah sepenuhnya dari peringkat akar umbi. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

dapat dikawal dan dicegah sepenuhnya dari peringkat akar umbi.

Misalnya, rasuah di beberapa agensi awam yang didedahkan sebelum ini membabitkan segelintir penjawat awam yang tidak amanah sudah bersifat struktural dan merentasi pelbagai lapisan gred jawatan dan ia diwarisi dari satu generasi ke generasi lain. Bermakna, pencegahan rasuah perlu berlaku di semua peringkat lapisan dari anggota bawah hingga ke kepimpinan tertinggi dalam organisasi supaya budaya yang telah dinormalisasikan itu dapat dihapuskan secara bersistematik.

Justeru, hanya reformasi institusi secara menyeluruh dengan memperbaiki kelemahan sistem yang ada mampu menangani masalah jenayah kolar putih ini mencakupi semua agensi awam.

Secara prinsipnya, majoriti penjawat awam melakukan tugas dengan penuh amanah dan dedikasi, malah integriti mereka tidak perlu dipertikaikan. Namun, sekelompok kecil yang membuat onar ini mula mencemarkan nama baik keseluruhan perkhidmatan awam, umpama nila setitik rosak susu sebelanga.

Jika terus dibiarkan, mereka akan mula meracuni pemikiran rakan setugas



Semua jabatan kerajaan khususnya agensi penguatkuasaan perlu melaksanakan proses pemutihan serta pembersihan dalaman secara total."

lain terutamanya pegawai lantikan baharu, sekali gus menarik lebih ramai lagi anggota untuk terbabit dalam rasuah. Ini bermakna, kita tidak boleh tutup mata dan telinga dengan andaian ini sekadar kes terpencil.

Disebabkan isu rasuah semakin serius, kita tidak boleh membiarkannya berlarutan hingga sampai ke tahap memudaratkan rakyat dan negara. Justeru, masalah ini perlu ditangani secara bersistematik membabitkan semua agensi kerajaan secara keseluruhannya.

Sebagai permulaan, dicadangkan semua jabatan kerajaan khususnya agensi penguatkuasaan mencakupi barisan hadapan keselamatan yang sering terdedah kepada risiko amalan rasuah dan salah guna kuasa perlu melaksanakan proses

pemutihan serta pembersihan dalaman secara total.

Segera cari dan kenal pasti virus yang ada dalam agensi masing-masing sebelum ia merebak dan sukar dikawal. Mereka yang didapati terbabit, perlu dikenakan tindakan tegas termasuk ditamatkan perkhidmatan sebagai pengajaran dan peringatan kepada anggota lain.

Kaji semula keberkesanan sistem penggiliran penempatan bertugas khususnya anggota penguat kuasa yang bertugas di bahagian sensitif dan lebih terdedah kepada peluang untuk terbabit dengan rasuah dan salah guna kuasa. Jika sistem yang diamalkan selama ini tidak berjaya menyelesaikan masalah, maka eloklah diteliti dan dibuat penambahbaikan yang sewajarnya termasuk memendekkan lagi tempoh penempatan pegawai di bahagian tertentu.

Sistem yang memberi kuasa berlebihan kepada seseorang pegawai wajar diteliti semula. Jangan beri kuasa berlebihan kepada seseorang individu untuk membuat sesuatu keputusan besar termasuk melepaskan pemeriksaan di pintu masuk negara kerana boleh mendorong kepada perbuatan salah guna kuasa, sebaliknya perlu ada beberapa lapisan atau jawatankuasa

yang berperanan membuat keputusan atau memberikan kelulusan. Walaupun ia mungkin kelihatan sedikit birokrasi namun akan menjadi jalan terbaik dan telus dalam menangani masalah salah guna kuasa.

Hakikatnya, kuasa yang diberikan kepada seseorang pegawai seperti mengenakan denda mahupun menangkap mana-mana individu yang melakukan kesalahan sememangnya akan membuka peluang untuk aktiviti sogokan di mana anggota yang tidak amanah akan menyalahguna kuasa dan kedudukan ini untuk mengugut atau bersekongkol dengan pelaku jenayah demi meraih keuntungan peribadi. Mereka anggap ini sebagai peluang terbaik untuk menambah pendapatan sampingan.

Kelemahan sistem juga boleh diperbaiki dengan cara mengurangkan aktiviti perhubungan secara bersemuka antara pelanggan dengan pegawai yang bertugas supaya dapat menutup peluang memberi, meminta atau menerima rasuah. Ini boleh dilakukan dengan pengaplikasian sepenuhnya perkhidmatan secara digital di mana setiap agensi kerajaan wajar mengoptimalkan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan masing-masing.

Usaha untuk menyedarkan setiap warga kerja tentang tanggungjawab dan amanah serta keburukan gejala rasuah perlu diteruskan secara berkala dan sepanjang masa sebagai aktiviti rutin setiap agensi kerajaan sebagai inisiatif pencegahan gejala rasuah.

Selagi kita tidak memperbaiki dan menutup segala kelompangan yang ada dalam sistem serta tangani masalah sikap serta ketamakan individu selagi itu kita tidak mampu menangani masalah rasuah di negara ini. Justeru setiap individu, agensi kerajaan dan swasta serta pihak berkuasa perlu memberi perhatian terhadap langkah drastik yang sistemik sebagai iltizam untuk mencegah gejala rasuah dari peringkat akar umbi.

NOOR Mohamad Shakil Hameed ialah Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) Universiti Putra Malaysia (UPM).

PINDAAN AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ (AUKU)

Menyegarkan gerakan pelajar & kegiatan kampus

Bersama

Hafidzul Hilmi Mohd Noor



Langkah melaksanakan pindaan kepada AUKU 1971 adalah lebih realistik berbanding cadangan pemansuhan akta berkenaan sebelum ini

a mate, ka mate! ka ora! ka ora! Itu jeritan yang sering didengar penulis ketika kali pertama menyambung pengajian di universiti pada 2007.

Tradisi pertandingan antara kolej kediaman dan fakulti yang dianjurkan mahasiswa dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar itu diterapkan kepada setiap penuntut yang baharu menyambung pengajian.

Malah, ada juga kolej kediaman membawa tarian perang secara tradisional dengan menerapkan unsur silat dan pelbagai lagi.

Penulis yang menuntut di Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Melaka suatu ketika dulu sentiasa menunggu acara Festival Kolej yang dianjurkan pada setiap semester kerana di situlah mahasiswa boleh menunjukkan kehebatan masing-masing selain berlagak "hero" di hadapan mahasiswi.

Sebelum penganjuran majlis, pemimpin-pemimpin kolej kediaman dan felo kolej akan bermesyuarat bagi aturan festival berkenaan. Ketika festival berlangsung semua mahasiswa berarak dengan membawa tarian perang masing-masing yang mewakili kolej kediaman atau fakulti yang mereka wakili. Momen indah ini mungkin tidak lagi dirasai mahasiswa ketika ini atas beberapa faktor antaranya kekangan dalam berorganisasi dan pengurusan kewangan.

Hakikatnya, budaya pengurusan organisasi di Institut Pengajian Tinggi (IPT) kini dilihat semakin lemah kerana mahasiswa dilihat tidak memahami konsep sebenar dalam berorganisasi. Kepercayaan dan dorongan perlu diberikan kepada mahasiswa untuk menguruskan organisasi dengan lebih baik selain menggalakkan budaya berorganisasi mahasiswa.

Terkini, pindaan baharu AUKU melalui Rang Undang-Undang (RUU) Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 18 Mac 2024 antara usaha

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang patut dipuji.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Zambry Abdul Kadir melihat langkah melaksanakan pindaan kepada AUKU 1971 adalah lebih realistik berbanding cadangan pemansuhan akta berkenaan sebelum ini.

Beberapa pindaan dilakukan meliputi Seksyen 15A (Memberi kebenaran kepada Majlis Perwakilan Pelajar dan Badan Pelajar untuk memungut wang atau menerima sumbangan lain); Seksyen 16B (Pertukaran Pihak Berkuasa Tata tertib Pelajar Universiti); Seksyen 48(4) Jadual Pertama (Tempoh lantikan Majlis Perwakilan Pelajar

berdasarkan kalendar akademik); Seksyen 48(11) Jadual Pertama (Majlis Perwakilan Pelajar dibenarkan untuk menyenggara kumpulan wang). Selain itu, Seksyen 48(12A) Jadual Pertama (Kuasa kepada Lembaga untuk membuat peraturan berkaitan pemungutan wang di Seksyen 15A); dan Seksyen 49(2) Jadual Pertama (Pemakaian peruntukan-peruntukan Seksyen

48 Majlis Perwakilan Pelajar kepada Badan Pelajar lain). Secara ringkas, pindaan terkini ke atas Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang diluluskan ini menyaksikan ruang lebih besar untuk pelajar terbabit dalam kegiatan kampus. Ia selari usaha kerajaan dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sendiri untuk terus memperkasa serta meningkatkan mutu mahasiswa. Langkah kerajaan menerusi KPT

ini secara langsung dapat membuka satu lagi lembaran baru ke arah mencapai pemerkasaan mahasiswa secara total.

Ia boleh disifatkan sebagai langkah proaktif untuk menyegarkan gerakan yang diterajui oleh pelajar kepada pelajar sendiri sesuai dengan keupayaan mereka. Pindaan akta itu juga dilihat dapat memperkukuh daya kepemimpinan mahasiswa menerusi kecekapan pengurusan kewangan oleh badan pelajar. Merujuk Seksyen 15(A) yang dipinda, ia menguji keupayaan pelajar menguruskan kewangan dan sumber dana

menyegarkan gerakan yang diterajui oleh pelajar kepada pelajar sendiri sesuai dengan keupayaan mereka. Pindaan akta itu juga dilihat dapat memperkukuh daya kepemimpinan mahasiswa menerusi kecekapan pengurusan kewangan oleh badan pelajar. Merujuk Seksyen 15(A) yang dipinda, ia menguji keupayaan pelajar menguruskan kewangan dan sumber dana

"Pindaan akta itu dapat memperkukuh daya kepemimpinan mahasiswa menerusi kecekapan pengurusan kewangan oleh badan pelajar"

menyegarkan gerakan yang diterajui oleh pelajar kepada pelajar sendiri sesuai dengan keupayaan mereka. Pindaan akta itu juga dilihat dapat memperkukuh daya kepemimpinan mahasiswa menerusi kecekapan pengurusan kewangan oleh badan pelajar. Merujuk Seksyen 15(A) yang dipinda, ia menguji keupayaan pelajar menguruskan kewangan dan sumber dana

menyegarkan gerakan yang diterajui oleh pelajar kepada pelajar sendiri sesuai dengan keupayaan mereka. Pindaan akta itu juga dilihat dapat memperkukuh daya kepemimpinan mahasiswa menerusi kecekapan pengurusan kewangan oleh badan pelajar. Merujuk Seksyen 15(A) yang dipinda, ia menguji keupayaan pelajar menguruskan kewangan dan sumber dana

penting sebagai nilai tambah kepada pelajar.

Secara tidak langsung, ia membuka perspektif pelajar lebih luas dan menyerlahkan potensi dalam memberi perkhidmatan menyeluruh kepada seluruh pelajar. Pindaan turut membenarkan MPP universiti menyenggara kumpulan wang (akaun).

Pindaan terbaharu itu turut menyaksikan tindakan tata tertib ke atas pelajar di universiti awam tidak lagi tertakluk bawah kuasa naib canselor, sebaliknya akan diputuskan oleh Jawatankuasa Tata tertib Pelajar pula memperlihatkan pemantapan amalan tadbir urus yang lebih sistematik.

Pada akhirnya, usaha pembangunan karakter pelajar dari segi pencapaian akademik dan pembangunan sahsiah dapat dilaksanakan dengan memberi lebih banyak ruang untuk mereka berfikir secara kreatif, inovatif dan mencipta sesuatu yang baharu.

Mahasiswa kini bukan hanya menjadikan universiti sebagai tempat menuntut ilmu, malah ia juga adalah tempat pembentukan sahsiah dan pembangunan bagi membentuk landskap baru pendidikan.

Penulis wartawan Harian Metro

dialog kotaraya oleh juragan



Nasional

9

Beberapa fakulti di IPT dikhuatiri berdepan isu kekurangan siswa

KABM

24/4/24

13/4

Kuala Lumpur: Institusi pengajian tinggi (IPT) dikhuatiri menghadapi masalah mendapakan pelajar mengikuti fakulti tertentu berkaitan Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) pada masa depan susulan kekurangan pelajar aliran Sains Tulen di sekolah pada masa ini.

Bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, berkata antara fakulti dikhuatiri kekurangan pelajar terbabit ialah sains, perubatan, kejuruteraan, farmasi dan ekonomi.

Beliau berkata, kekurangan pelajar aliran Sains Tulen di sekolah itu boleh menjejaskan usaha melahirkan lebih ramai golongan profesional di negara ini.

"Atas sebab itu, usaha meneruskan dasar 60:40 iaitu 60 peratus pelajar aliran Sains di sekolah perlu diteruskan. Jadi, setiap sekolah menengah mesti mempunyai strategi, program dan aktiviti ke arah itu."

"Mereka perlu pastikan bilangan pelajar aliran itu meningkat setiap tahun di sekolah. Selain itu, hubungan lebih erat perlu dijalinan antara pihak sekolah dengan kolej dan universiti."

"Pensyarah boleh mengadakan aktiviti dengan pelajar di sekolah terutama dalam memberikan motivasi dan galakan, selain mewujudkan jalinan sebagai sekolah angkat seperti mengadakan lawatan ke kam-

**Malaysia berdepan
krisis kurang
doktor, saintis**

Keratan
akhbār BH
semalam.

pus dan fakulti berkenaan," katanya kepada *BH*, di sini.

Kelmarin, *BH* melaporkan negara dibimbangi kehilangan tenaga kerja profesional seperti doktor dan saintis disebabkan semakin ramai pelajar di peringkat sekolah menengah tidak lagi berminat melanjutkan pelajaran dalam Sains Tulen.

Ini berdasarkan peratusan calon mengambil jurusan Sains Tulen dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dikesan terus merosot di bawah 15.2 peratus.

Pada masa sama, Alimuddin berkata, dalam meningkatkan minat pelajar terhadap subjek STEM, guru Sains dan Matematik perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka.

Beliau berkata, peranan ibu bapa tidak kurang, pentingnya dalam memberi galakan kepada anak masing-masing.

"Banyakkan bahan bacaan tambahan di rumah dan sering mengikuti perkembangan pelajaran serta kerap menghubungi guru supaya anak mereka berminat mengikuti aliran STEM," katanya.

BH Rabu, 24 April 2024

A 39



Pertandingan sains antara kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mampu menarik minat pelajar Melayu dalam subjek STEM. (Foto hiasan)

89 peratus pelajar Melayu dikesan tak minat subjek STEM

Kajian GPMS dapati negara dijangka 'kehilangan' saintis, pakar teknologi dalam tempoh 15 tahun

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Negara dijangka 'kehilangan' saintis dan pakar teknologi Melayu dalam tempoh sekurang-kurangnya 15 tahun lagi apabila 89 peratus pelajar Melayu dikesan tidak berminat dalam subjek Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM).

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Fazreen Fauzi, berkata dapatan itu diperoleh melalui kajian pertubuhan itu di lapangan membabitkan 10,000 pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di seluruh negara tahun lalu.

Beliau berkata, atas dasar itu, Kementerian Pendidikan (KPM) digesa menampilkan segera program khas untuk menarik minat pelajar dalam STEM.

"Jika pelajar kehilangan minat dalam sains dan matematik, ia boleh menyebabkan kekurangan tenaga kerja dalam bidang berkaitan teknologi, kejuruteraan dan perubatan, sekali gus menghalang kemajuan negara dalam

inovasi serta pembangunan teknologi.

"Jadi, usaha penting sekarang ialah membangkitkan semangat dan minat pelajar dalam subjek ini untuk memastikan kecukupan jangka panjang," katanya.

Kelmarin, BH melaporkan negara dibimbangi kehilangan tenaga kerja profesional seperti doktor dan saintis disebabkan semakin ramai pelajar peringkat sekolah menengah tidak lagi berminat melanjutkan pelajaran dalam sains tulen.

Ini berdasarkan peratusan calon mengambil jurusan Sains Tulen dalam SPM dikesan terus merosot di bawah 15.2 peratus.

Melalui kajian sama dilaksanakan GPMS, lebih 90 peratus responden menunjukkan minat positif untuk menyambung pelajaran dan 46.5 peratus minat positif terhadap bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Program interaktif

Pada masa sama, Fazreen berkata, program interaktif dan menyeronokkan boleh diadakan bagi menarik minat pelajar terhadap STEM termasuk pertandingan sains, eksperimen praktikal, lawatan ke pusat sains dan teknologi, serta pendedahan kepada aplikasi dunia nyata dari sains dan matematik.

Beliau berkata, selain itu, sekolah juga perlu menyediakan sokongan tambahan seperti kelas

tambahan, tutor peribadi atau bimbingan kerjaya dalam bidang berkaitan bagi membangkitkan minat mereka.

"Komuniti sains dan matematik juga perlu diberi perhatian serta mengangkat mereka di sekolah untuk menggalakkan pertukaran idea antara pelajar.

"Misalnya pelajar diminta mengkaji penyebab strok haba yang dekat dengan mereka.

"Bagi penyelesaian jangka pendek, program yang menyeronokkan dan interaktif seperti pertandingan sains, kelas tambahan dan lawatan industri boleh dilaksanakan segera," katanya.

Fazreen berkata, untuk penyelesaian jangka panjang diadakan integrasi kurikulum yang lebih menarik dan relevan dengan dunia nyata sains dan matematik, peningkatan

latihan guru, serta peluang pembelajaran luar bilik darjah.

Katanya, KPM disaran melihat pendidikan merentasi ruang lingkup ideologi politik demi kepentingan anak bangsa.

"KPM perlu membabitkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti GPMS dan Persatuan STEM Kebangsaan serta pakar daripada sektor swasta atau akademik untuk mencari langkah terbaik menangani isu berkenaan.

"GPMS antara persatuan pelajar yang hingga kini masih tiada ruang untuk bertemu menteri pendidikan," katanya.



Fazreen Fauzi

Rencana

UIAM
BERHUJAHOleh
Dzulfitri Abdul
Razak

MUSIMNYA telah tiba semula apabila Malaysia disibukkan kembali oleh gimik Kedudukan Universiti Dunia Quacquarelli Symonds (QS), satu-satu aktiviti yang 'memukau' rasa senegara. Mempamerkan prestasi yang kononnya lebih cemerlang melayakkan di 'kedudukan ketiga tertinggi di Asia dan keenam di dunia'.

Bermacam faktor diberikan sesuai dengan peningkatan kadar itu dan ini. Kali ini melibatkan lebih program di antara 25 buah universiti di Malaysia. Syabas.

Keseluruhannya, universiti Malaysia dikatakan mendapat kadar peningkatan 22 peratus dalam kenaikan anak tangga berdasarkan data bebas yang diperoleh daripada prestasi 240 program di 25 universiti negara.

Menurut QS dalam program peringkat nasional, 84 universiti menunjukkan penambahbaikan, manakala 38 lagi universiti berjaya disenaraikan buat kali pertama. Ada pula yang 100 teratas di dunia.

Pecah rekod sana dan sini, seolah-olah pendidikan umpama sukan yang hanya memperuntukan satu pingat emas, perak dan gangsa. Yang lain hampa belaka, model pendidikan yang agak sumbang.

Untuk kali ini saingan dari universiti swasta turut ditampilkan. Maka banyak pula yang bangga mengakui bahawa ini bukti komitmen institusi terhadap kecemerlangan pengajaran dan komuniti pembelajaran yang ideal-kononnya. Apatah lagi dalam memenuhi keperluan universiti tersebut buat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) seperti yang 'diatur' oleh pihak QS, berkisar utamanya kepada aspek penyelidikan dan penerbitan.

Ada yang akur dan menyifatkan kedudukan kali ini sebagai pendorong besar bagi pemacu masa hadapan mensasari penambahbaikan cabaran mendatang. Ada menyatakan ia 'holistik' pula.

Anehnya, bagaimana jika tidak ramai yang mengambil berat aspek pengajaran dan pembelajaran serta libat sama masyarakat. Lebih dangkal dari holistik. Meskipun kelemahan ini tertera dengan jelas. Terutama semasa wabak Covid-19. Kelompokan masih



KETIKA institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia masih sibuk mengejar 'kebesaran' Kedudukan Universiti Dunia Quacquarelli Symonds (QS) tetapi pelajar di luar negara sebaliknya memperjuangkan pembebasan Palestin daripada kekejaman rejim Zionis Israel. - AFP

Bertaraf kelas dunia dalam penghinaan

terasa.

Bermaksud penemuan QS agak ketinggalan atau tercicir untuk memperbaiki semula tuntutan pasca Covid-19 memandangkan banyak telah berubah tetapi tidak diambil kira. Lantas, jangan terpedaya.

Tambahan ada panggilan segera dalam aspek 'edugenocide' di Gaza. Telah berterusan selama hampir enam bulan. Mendapat bantahan keras dunia melalui Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) baru-baru ini. Lebih 30,000 nyawa tidak berdosa terkorban tanpa berperikemanusiaan. Manakah semua ini dalam perhitungan QS? Mengapa tidak peka?

BANTAHAN

Sebaliknya ternampak dunia maju lebih peka dari kita kerana tidak mepedulikan tentang penarafan komersial ini. Bagi mereka buang masa, bertelur sebiji riuh sekampung, walaupun universiti di sana benar-benar bertaraf dunia mengikut KPI serta kecenderungan cara mengukur QS yang sering dikritik oleh pelbagai pihak, termasuk Universiti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNU) yang bertapak di Malaysia, beberapa bulan lalu.

Malah laporan UNU menasihatkan bahawa amalan ranking ini mempunyai sembilan risiko tinggi buat

jangka masa panjang.

Seiring itu, masyarakat ilmiah dan universiti dunia maju berhempas pulas menegakkan peranan jati mereka untuk memperdebatkan kedudukan di Gaza pada setiap saat. Yakni segala bentuk persekolahan serta pendidikan ranap dan musnah ditangan rejim Zionis yang kejam. Ribuan kanak-kanak dan remaja dalam lingkungan umur persekolahan mati dibom begitu saja.

Akibatnya, contoh terkini University of Columbia di New York, Amerika Syarikat (AS) terus menerus bergelut dengan isu sarat tersebut. Sehingga lebih 100 pelajarnya ditangkap polis atas permintaan pentadbiran universiti atau presidennya (bersamaan naib cancelor di universiti Malaysia) kerana menyuarakan sokongan terhadap isu genosid di Gaza, dan Palestin amnya.

Menunjuk perasaan beramai-ramai sejak enam bulan lalu dalam menuntut pembebasan Palestin dari amalan apartheid Israel bersama sekutu kuatnya, AS dan Britain terutama sekali. Apalah gunanya berkelas dunia, melonjak puluhan anak tangga atas kriteria yang tidak bermakna, tetapi terangan mengabaikan prinsip manusiawi serta moral etika pendidikan dalam kerangka manusiawi sejati yang QS tolak ketepi.

Bukan sekadar menerbit dan mengira mata ukuran QS yang sendirinya tidak manusiawi. Lebih-lebih lagi berbaur komersial tanpa menekan hasrat hakiki pendidikan sebenarnya - sepertimana yang diuar-uarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) 1996.

Bagi beberapa kumpulan pelajar seperti *Students for Justice in Palestine* dan *Jewish Voice for Peace* (yang turut anti-Zionis) tindakannya: diperintah gantung kerana kononnya menyalahi peraturan universiti. Tetapi mengapa Israel yang didapati menyalahi begitu banyak peraturan serta undang-undang antarabangsa terhadap rakyat Palestin dengan amat dahsyat, dipertahankan mati-matian? Kemunafikan tahap tinggi.

Untuk mereka yang kaya raya, tuntutan adalah untuk menekan pergerakan pelajar pro-Palestin. Jika tidak derma dan pembiayaan akan dihentikan. Amaran zalim seumpama ini dijadikan alat untuk 'memenangkan' kezaliman terhadap rakyat Palestin tanpa asas keadilan dan belas kasihan.

Namun para pelajar universiti di barat terus bersemangat memperjuangkan hak mereka disamping menolak kezaliman dalam apa bentuk sekalipun kerana tidak mendapat tempat sebagai bertaraf dunia atas apa-apa dasar.

Entahlah bagaimana QS dan sekongkolnya memahami berserta universiti dan kementerian menerimanya tanpa periksa. Hairan di mana pergi nilai perikemanusiaan.

Contoh ilham yang lain di University of Yale, para pelajar pasca siswazah melancarkan mogok lapar terhadap desakan menghentikan sokongan kepada Israel khasnya berkaitan bekalan senjata dalam pembunuhan beramai-ramai di Gaza selama ini. Bagi mereka mogok lapar paling sesuai memandangkan kawasan Gaza dikepung Israel sudah mula mengalami kebuluran oleh sebab tidak cukup bekalan makanan.

Di University of Southern California pula, para pelajar menuntut akan siswazah terbaik tahun ini, seorang wanita Muslim - dibenarkan memberi ucapan utamanya dan bukan ditarik balik oleh pihak atasan, atas dakwaan menyokong perjuangan Palestin kononnya. Ini semua adalah antara contoh isu yang terdeteksi dari semasa ke semasa melibatkan universiti terkemuka dunia.

Maka umumnya di seluruh AS, termasuk juga Harvard University, Tufts, Emerson dan MIT, ia merupakan landasan bertindak menentang durjana Israel. Sekali gus sebagai suatu nafas baharu untuk pergerakan pro-Palestin. Sedia menghadapi banyak rintangan dan langkah bersifat haiwan secara mendadak.

Tragedi ini menampakkan dengan jelas bahawa 'piawai' yang diperagakan QS selama ini sifar nilai manusiawinya. Malangnya universiti tempatan kurang sedar untuk bangkit memperbetulkan keadaan. Tidak seperti contoh di barat kerana ketakutan akan bayang-bayang.

Tidak pula yakin yang kebenaran itu sememangnya hakiki dan menuntut keberanian kerana benar dalam mengartikan amanah pendidikan sepenuhnya. Ringkasnya, minda teramai masih terjajah. Maka tidak pun terkilas antara institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan yang lebih 30,000 nyawa diragut musuh durjana di depan mata dunia.

Kini asyik pula dengan satu penarafan yang 'menipu kita bulat-bulat' seperti mana pernah tersiar dalam ruangan ini yang bertarikh 16 November 2023. Kita 'gembira' atas gelimpangan jutaan mayat saudara tidak berdosa. Dengan rasa tidak sedikitpun terhina.

PROFESOR Emeritus Tan Sri Dzulfitri Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Program ILKBS lahirkan generasi berinovasi

Oleh Nur Shazwanie Rosehan
dan Shahhanim Yahya
bhrencana@bh.com.my



Penyelidik
Eksekutif Institut
Penyelidikan
Pembangunan Belia
Malaysia (IYRES)

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah satu proses pendidikan dan latihan bertujuan melahirkan tenaga kerja berdaya saing seiring keperluan serta kehendak industri masa kini.

Seiring hasrat kerajaan untuk mencapai 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2030, Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menawarkan latihan kemahiran pelbagai bidang kepada belia Malaysia berusia 18 hingga 30 tahun.

ILKBS ketika ini mempunyai 22 institusi di seluruh negara menawarkan program peringkat sijil, diploma dan diploma lanjutan mengikut standard industri serta diiktiraf pelbagai agensi pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Konsep latihan di ILKBS dijalankan secara bersepadu yang mana 80 peratus adalah membabitkan latihan kemahiran dan 20

peratus adalah pembangunan bina insan merangkumi subjek keusahawanan, kepimpinan, keagamaan dan kerohanian serta sukan dan rekreasi.

ILKBS antara institusi TVET terawal di Malaysia ditubuhkan sejak 1964. Bermula di Kuala Kubu Bharu dan kini berkembang ke seluruh Malaysia. Antara program diwujudkan ILKBS adalah Program Impak ILKBS@Komuniti yang diperkenalkan pada 2018 hasil inisiatif KBS di bawah Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB).

Objektif program ini menyumbang tenaga kepakaran atau kemahiran pengajar, pegawai dan pe-

lajar ILKBS kepada masyarakat setempat dengan membabitkan kerja penyelenggaraan serta pembai-
kan kecil terhadap kemudahan fizikal awam.

Ia termasuk menawarkan bantuan berbentuk barangan, makanan, perkhidmatan dan lain-lain mengikut kesesuaian bidang atau kepakaran ILKBS.

Sehingga 2022, 158 program dilaksanakan membabitkan 28,374 peserta terdiri daripada pelajar dan pengajar ILKBS, belia serta komuniti setempat.

Program beri nilai tambah

Antara bidang keutamaan kemahiran ditawarkan dalam program ini adalah teknologi automotif, teknologi elektrik, teknologi mekanikal, teknologi awam dan teknologi fesyen dan pakaian.

Hasil kajian Institut Penyelidikan Pembangunan



Program teknologi automotif antara bidang keutamaan kemahiran ditawarkan di ILKBS.
(Foto hiasan)

Belia Malaysia (IYRES) mendapati Program Impak ILKBS@Komuniti berjaya memberi nilai tambah kepada peserta melalui penyerlahan bakat belia sebanyak 95 peratus, bakat kepimpinan (90.2 peratus), kesukarelawanan (85.2 peratus) dan membantu pembangunan belia menerusi pembangunan aset dalaman dan luaran (82.8 peratus).

Dapatan IYRES juga menunjukkan persepsi komuniti meningkat sehingga 87.5 peratus hasil daripada pelaksanaan program berkenaan.

Ia menunjukkan peranan kumpulan pelaksana seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), komuniti setempat dan pelbagai agensi lain amat penting untuk turut terbabit dalam program ini bagi memastikan pembangunan belia dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Bahkan, program kemahiran dan kepakaran seumpama ini berpotensi menawarkan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan yang lumayan telah menjadi antara faktor penarik individu untuk menyertainya.

Pentadbiran dan program tersusun, pengurusan logistik yang baik, aktiviti berorientasikan bidang kemahiran pengajian serta membina kemahiran berasaskan kepakaran juga aspek penting menarik minat individu dan memastikan keberkesanan Program Impak ILKBS@Komuniti.

Tambahan pula, pembabitan dan penyertaan menyeluruh program berkaitan TVET dapat dipupuk dari semasa ke semasa selaras matlamat Dasar Belia Malaysia, iaitu menyerlahkan bakat dan potensi modal insan belia supaya berkeupayaan menyumbang pada semua peringkat melalui bidang pendidikan dan latihan kemahiran.

Program seumpama ini penting untuk diteruskan dan diperbanyakkan bagi meningkatkan kebolehpasaran pekerjaan graduan TVET dalam kalangan belia Malaysia.



Lumut

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan menyalurkan RM1,000 seorang kepada 21 anak mangsa nahas dua helikopter yang terhempas di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, anak mangsa yang belajar di universiti pula akan dikecualikan yuran pengajian.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat sebagai usaha mengurangkan beban keluarga mangsa dalam bidang pendidikan dan ia mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Setakat ini, data kita kumpul menunjukkan ada 21 anak mangsa masih bersekolah dan dikenal pasti serta akan diberi akaun SSPN (Skim Simpanan Pendidikan Nasional) secara percuma.

"Kita akan kemas kini bilangan sebenar anak mangsa yang terbabit," katanya selepas menziarahi keluarga Pegawai Waran II, Allahyarham Mohd Shahrizan Mohd Termizi di Taman Bunga Tanjung, Batu 10 Lekir malam kelmarin.

Beliau berkata, tabung PTPTN akan memudahkan mereka menerima bantuan lain pada masa depan.

"Saya percaya di pering-

RM1k seorang untuk 21 anak mangsa



ZAMBRY ketika menziarahi keluarga Mohd Shahrizan di Taman Bunga Tanjung, Batu 10 Lekir, Lumut.

4m 26/4/24 msb
KPT umum bantuan untuk murid bersekolah, pelajar universiti dikecualikan yuran pengajian

"Mungkin ada perancangan untuk anak mangsa, jadi dengan adanya simpanan SSPN akan memudahkan bantuan disumbangkan termasuk oleh agensi lain"

kat Kementerian Pertahanan mungkin ada perancangan untuk anak mangsa, jadi dengan adanya simpanan SSPN akan memudahkan bantuan disumbangkan termasuk oleh agensi lain.

"Bagi pengecualian yuran pendidikan di universiti

pula, setakat ini hanya seorang sahaja anak mangsa iaitu Nurul Shahfiqah Mohd Shahrizan, 21, yang belajar di Universiti Malaysia Kelantan," katanya.

Zambry juga berkata, pihaknya mengambil maklum dan memandang serius isu penceramah warga asing mengeluarkan kenyataan yang boleh mencetuskan kontroversi selain tidak menghormati sentimen masyarakat seperti yang tular di media sosial.

"Susulan itu, saya mengarahkan program dan aktiviti dijadual dihadiri penceramah itu dibatalkan segera. Saya turut meminta Universiti Malaya menyiasat perkara ini dan melaporkan butiran lanjut," katanya.

Pada masa sama, beliau mengingatkan setiap agensi dan institusi di bawah KPT agar peka, berhati-hati dan menyemak latar belakang mana-mana individu dengan teliti sebelum menjemput mereka ke majlis yang dianjurkan.

Zambry berkata, setiap keputusan perlu mengambil kira sensitiviti dan selari dengan polisi serta pendirian kerajaan.

"Walaupun institusi pendidikan tinggi diberi autonomi memutuskan program intelektual tetapi itu bukan bermakna ia bebas secara mutlak sehingga tidak mengambil kira sensitiviti masyarakat dan majoriti rakyat Malaysia," katanya.

SSPA antara terbaik pernah diperkenal

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan, Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan diumumkan dalam tempoh terdekat ini adalah antara yang terbaik pernah diperkenalkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan skim itu juga akan membabitkan implikasi kewangan yang tertinggi pernah dilakukan kerajaan.

"Sistem (SSPA) ini antara yang terbaik pernah diperkenalkan kerajaan dan implikasi kewangannya juga tinggi, tertinggi yang pernah kita lakukan sebelum ini. Ini bukan masalah saudara-saudari, masalah kita semua untuk mencari dana lebih, kewangan lebih dan saya akan runding dengan Menteri Kewangan.

"Dengan pengiktirafan menerusi SSPA, kerajaan mengharapkan penjawat awam dapat menonjolkan prestasi lebih baik dan komited terhadap tugas. Mana-mana penjawat awam yang malas dan memaparkan prestasi lemah, tidak harus diberikan kenaikan pangkat atau menerima pengiktirafan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Sesi Townhall Lebaran Aidilfitri Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) bersama Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Presiden PPTD, Datuk Seri Isham Ishak.



Anwar berucap pada Sesi Townhall Lebaran Aidilfitri Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) bersama Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Anwar berkata, beliau mahu semua penjawat awam tahu bahawa kerajaan tidak pernah menganggap atau memandang kajian SSPA sebagai perkara ringan atau enteng.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan setiap kali dalam mesyuarat bersama KSN, KPPA dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), beliau sentiasa mengingatkan supaya tiada kelompok penjawat awam yang rasa tertinggal atau tersisih.

"Kita mahu ambil tindakan SSPA ini secara menyeluruh dan saya mahu (ia) dilakukan bersama dengan reformasi penjawat awam.

"Jadi saya nak bagi ingatan kepada kelompok, kumpulan di luar termasuk pembangkang, jangan mainkan isu ini kerana 12 tahun tidak ada kajian sistem persaraan yang sepatutnya ber-

laku setiap 10 tahun," katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan mengharapkan prestasi lebih baik, kerja lebih serius dengan ketua jabatan mesti pantau kerana dalam kelompok yang besar, ada yang malas, ada yang lemah.

"Saya tidak fikir orang yang malas dan prestasi lemah harus diberikan kenaikan pangkat sebagai satu perkara biasa," katanya.

Selain itu, beliau berkata, segala kemudahan untuk penjawat awam dari Semenanjung ke Sabah Sarawak atau sebaliknya, dikaji semula.

"Kita beri kemudahan tapi kita pilih dan nilai prestasi masing-masing. Kalau teruk, lembab dan malas, saya tidak fikir kita harus berikan pengiktirafan.

"Saya minta KPPA dan pimpinan bincang dengan semua, ba-

gi pandangan tetapi 'reform' dalam perkhidmatan awam, dalam erti kata tidak melayani kalangan kecil yang prestasinya sangat lemah," katanya.

Perdana Menteri turut menggesa semua penjawat awam mengamalkan kecepatan dalam pelaksanaan tugas supaya dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan segera.

Katanya, mereka tidak lagi boleh menggunakan cara lama dan perlu menonjolkan prestasi yang cemerlang supaya setiap dasar yang diumumkan, dapat berjalan dengan baik.

Dalam perkembangan berasingan, beliau berkata, wujud keperluan menambah bilangan pemimpin wanita bagi menjawat jawatan tertinggi dalam negara seperti ketua setiausaha (KSU) dan ketua pengarah.

Sabtu, 27 April 2024 BH



Penjawat awam diingat sentiasa menetapkan iltizam untuk melaksanakan islah dalam perkhidmatan awam, terutama berkait elemen tatakelola dan integriti. (Foto hiasan)

'Serah laporan lawatan mengejut setiap enam bulan'

Arahan kepada ketua jabatan sektor awam pastikan rakyat dapat khidmat terbaik

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketua jabatan sektor awam peringkat Persekutuan dan negeri perlu melakukan pemeriksaan mengejut di jabatan masing-masing dengan laporan mengenainya perlu diserahkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam setiap enam bulan.

Arahan terbaharu itu dinyatakan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz melalui Surat Edaran Peningkatan Kualiti Penyampaian dan Perkhidmatan Yang Berintegriti bertarikh 18 April lalu.

Edaran yang dikongsi dan dimuat naik dalam laman sosial Facebook dan X Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Rabu lalu itu ditujukan kepada semua Ketua Setiausaha (KSU) kementerian, ketua jabatan Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Wan Ahmad menjelaskan, laporan lawatan mengejut yang dikemukakan setiap Jun dan Disember itu wajib mengandungi dapatan hasil lawatan, tindakan penambahbaikan serta pencega-

han yang diambil.

"Selain memastikan pengurusan waktu bekerja berintegriti dalam kalangan kakitangan awam, pemeriksaan mengejut juga boleh dilakukan ketua jabatan untuk mengetahui keadaan sebenar di kaunter perkhidmatan," katanya.

Dalam konteks pengurusan waktu bekerja berintegriti, Wan Ahmad menegaskan, keberadaan serta pelaksanaan tugas pegawai awam di tempat kerja perlu dipantau secara teratur oleh ketua jabatan untuk pastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat sentiasa pada tahap optimum.

Beliau berkata, ketidakpatuhan etika kerja seperti menggunakan media sosial yang tidak berkaitan dengan tugas rasmi, bermain permainan dalam talian atau tindakan keluar pejabat tanpa kebenaran untuk urusan peribadi pada waktu bekerja, hendaklah dihentikan.

"Ketua jabatan perlu mengambil tindakan untuk membuat pemeriksaan mengejut bagi memastikan amalan negatif seperti ini tidak berlaku di jabatan masing-masing.

"Tindakan segera perlu diambil terhadap mana-mana pegawai yang tidak mengamalkan etika perkhidmatan kaunter dan tidak melayani pelanggan secara mesra dan profesional.

"Selain meningkatkan perkhidmatan kaunter, ketua jabatan perlu menyemak dan menambak baik proses kerja serta menimbangkan untuk menyediakan perkhidmatan dalam talian sepenuhnya," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menyampaikan amanat pada

Majlis Perhimpunan Bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri sering mengingatkan penjawat awam terus menerapkan nilai baik dan mengekalkan prestasi cemerlang supaya dapat mengangkat martabat negara ke peringkat lebih tinggi.

Prinsip H.E.M.A.T

Perdana Menteri berkata, biarpun negara kini sedang bergerak menggapai teknologi, pertumbuhan ekonomi, tenaga baharu dan transformasi digital, nilai yang baik perlu seiring dengan kemajuan terbabit.

Dalam pekeliling itu, Wan Ahmad mengulangi peringatan Perdana Menteri agar penjawat awam menetapkan iltizam untuk melaksanakan islah dalam perkhidmatan awam, terutama berkaitan elemen tatakelola dan integriti.

Beliau mengingatkan setiap pegawai awam bahawa mereka telah menandatangani 'Surat Aku Janji' untuk mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 serta pekeliling dan arahan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Beliau turut menyarankan pegawai awam mengaplikasi prinsip H.E.M.A.T iaitu akronim kepada Hijrah, Tatakelola, Empati, Rakyat Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran.

"Secara umum prinsip ini mengkehendaki pegawai awam sentiasa berani berhijrah selaras tuntutan perubahan semasa.

"Ia dilaksanakan sejajar konsep Malaysia MADANI serta aspirasi the G.R.E.A.T Civil Service bagi memastikan perkhidmatan awam sentiasa cekap, relevan dan berkesan," katanya.

Universiti perlu tapis program elak kontroversi

Kuala Lumpur: Pentadbiran universiti perlu melaksanakan proses tapisan terhadap program yang bakal dijalankan, namun tidaklah sehingga mengganggu autonomi dan ruang keterbukaan sesebuah universiti itu.

Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Quran dan Sunnah Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Abu Hafiz Salleh Hudin, berpancangan ia perlu dilaksana bagi mengelakkan kontroversi, khususnya membabitkan isu sensitif serta dasar negara.

"Bagi saya, semua universiti mempunyai autonomi dan kita perlu hormati kuasa mereka, khususnya dengan perkara yang berkaitan akademik... bukanlah perlu kepada tapisan berat tetapi yang mencukupi bagi mengelakkan kontroversi yang tidak diperlukan," katanya.

Abu Hafiz berkata, pihak universiti sepatutnya bertindak tegas apabila penceramah itu mengeluarkan kenyataan yang me-

nyindir dan mengkritik pendirian kerajaan Malaysia secara langsung atau tidak langsung semasa program dijalankan.

"Bagi saya, di peringkat universiti patut bertegas ketika itu minta beliau supaya tidak meneruskan ucapan bahkan menghentikan ucapan dan mengiringi beliau keluar dari dewan. Pihak penganjur kena tahu kesan ini bukan sahaja kepada penceramah malah kepada universiti dan KPT.

"Ini adalah satu pengajaran besar apabila melibatkan perkara yang sangat sensitif seperti mengundang mereka yang ada latar belakang pro-Zionis untuk tidak mengulangnya. Ia pengajaran dan jangan lagi berulang bagi mana-mana universiti di Malaysia," katanya.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Noor Nirwandy Mat Noordin, pula tidak bersetuju dengan tindakan penceramah itu yang disifatkan beliau

sebagai mampu memesonkan pemikiran ahli akademik serta pelajar di negara ini dengan hujah berat sebelah.

"Malaysia mempunyai hubungan baik dengan kerajaan Amerika Syarikat dan sebarang perbuatan atau perkara yang boleh memesonkan pendirian ataupun pemahaman masyarakat termasuk pelajar dan golongan tertentu dalam Malaysia harus dinilai dengan teliti.

"Sebagai ahli akademik, beliau seharusnya lebih berhati-hati apabila ingin mengemukakan hujah dan sebarang percambahan pemikiran harus berasaskan pemodenan dan ketatasusilaan dalam acuan kerangka Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara," katanya.

Malah Noor Nirwandy berkata, kenyataan penceramah itu bahawa Malaysia mahukan holokus kedua tidak boleh diterima dan adalah penghinaan kepada kesarjanaan falsafah ketamadunan serta keilmuan bagi sarjana di Malaysia.

BERNAMA

Ibadat & Fadilat

Usamah Zaid RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa diperlakukan dengan baik kepadanya kemudian dia mengucapkan kepada yang melakukan kebaikan berkenaan: Semoga Allah membalas kebaikanmu dengan sebaik-baik pembalasan, maka sungguh dia memberikan pujian terbaik." (HR Tirmizi dan Nasai)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:56	1:19	4:33	7:28	8:39
Alor Setar	5:56	1:18	4:33	7:27	8:39
P. Pinang	5:57	1:19	4:34	7:26	8:38
Ipoh	5:56	1:16	4:32	7:23	8:35
Kuala Lumpur	5:55	1:14	4:30	7:20	8:31
Shah Alam	5:55	1:14	4:30	7:20	8:31
Johor Bahru	5:48	1:05	4:23	7:09	8:20
Kuantan	5:49	1:08	4:25	7:13	8:25
Seremban	5:54	1:12	4:29	7:17	8:28
Bandar Melaka	5:53	1:11	4:29	7:16	8:27
Kota Bharu	5:49	1:11	4:26	7:20	8:27
K. Terengganu	5:46	1:07	4:23	7:15	8:26
Kota Kinabalu	4:54	12:15	3:30	6:24	7:35
Kuching	5:23	12:40	3:58	6:44	7:55

Universiti juga
diminta semak latar
belakang profesor
jemputan elak
kejadian berulang

Oleh **TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA**

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak pernah menyekat kebebasan akademik setiap universiti di dalam negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir menegaskan apa yang menjadi persoalan adalah kenyataan dikeluarkan oleh profesor pro-Israel jemputan Universiti Malaya (UM), Bruce Gilley yang menyentuh mengenai keselamatan dan imej negara.

"Saya harap mereka berkenaan yang membuat komen itu perlu membezakan antara konteks kebebasan akademik dengan kebebasan yang me-

KPT tidak sekat kebebasan akademik universiti

Sinar 27/4/2024 m.10

FOTO: BERNAMA

nyentuh mengenai kedudukan dan imej negara dengan membuat kenyataan terlalu biadab serta sangat merbahaya.

"Itu kita kena bezakan," katanya ketika ditemui sempena Majlis Sambutan Aidilfitri KPT di sini pada Jumaat.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan dikeluarkan seorang profesor tempatan, Dr Mohd Tajuddin Mohd Rasdi bahawa adalah menjadi 'amalan biasa' dalam akademia menjemput tokoh kontroversial untuk wacana.

Tajuddin juga dilaporkan berkata, UM tidak seharusnya membuat permohonan maaf kerana menjemput Gilley dan mendakwa sepatutnya tiada sekatan dilaksanakan terhadap amalan biasa itu kerana boleh menjejaskan kebebasan akademik.

Dalam pada itu, Zambry mengingatkan universiti agar menyemak dengan teliti latar belakang setiap profesor jemputan bagi mengelakkan perkara sama berulang.

"Jika diteliti beliau (Gilley) dan latar belakangnya, termasuk penulisannya, kalau anda tengok dalam konteks kolonialisme dan imperialisme, bagaimana boleh dibenarkan pensyarah seperti ini datang dan mengajar kita.

"Kalau jemput, semak latar belakang, apa kepakaran beliau dan adakah dia benar-benar se-

orang sarjana yang dihormati," jelasnya.

Menurutnya, universiti juga disarankan agar memberi keutamaan kepada profesor tempatan untuk memberi syarahan di universiti.

"Saya bukan mahu campur tangan.

"Kita mempunyai terlalu ramai profesor di Malaysia yang lebih baik daripada Gilley," tegasnya.

Sementara itu, ditanya adakah KPT telah menerima laporan berkaitan perkara itu, Zambry berkata, ia masih belum diperoleh.

"Saya masih menanti dan memaklumkan mahu laporan segera.

"Saya sebutkan bahawa tidak mahu lagi peristiwa seperti ini berulang," ujarnya.

Institut Pengajian Cina UM pada 9 April lalu dilaporkan mengeluarkan jemputan terbuka untuk seminar yang bertajuk 'Reassessing Republican China' dengan menampilkan Gilley pada 25 April.

Pada 16 April lalu, Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik mengumumkan Program Profesor Pelawat 2024 yang mana Gilley dijemput untuk menyampaikan syarahan dan mengendalikan bengkel selama tiga hari mulai 22 sehingga 24 April.



Zambry bercakap kepada pemberita semasa Majlis Sambutan Aidilfitri KPT di Putrajaya pada Jumaat.

Ketika menyampaikan syarahan yang bertajuk 'Will Malaysia Become an Active Middle Power?' Gilley mengeluarkan kenyataan berbunyi "A country whose political leaders advocate a second Holocaust against the Jewish people will never be a serious

player in world affairs, and will certainly never be a friend or partner of the United States" ketika memberi syarahan.

Ia sekali gus mengundang kecaman dan kritikan terhadap UM apabila kenyataan tersebut dikongsi semula menerusi ciapan di platform X milik Gilley.

UM dikecam jemput pensyarah pro-Israel

akademik AS tuduh
politik Malaysia sebar
ian terhadap Yahudi

Universiti Malaya (UM) dikecam kerana menjemput seorang profesor akademik Amerika Syarikat (AS) untuk menyampaikan syarahan sempena sambutan Aidilfitri KPT. Profesor Bruce Gilley, yang terkenal dengan pandangan pro-Israel, telah dijemput untuk menyampaikan syarahan pada 25 April. Umpan balik terhadap keputusan ini telah menjadi kontroversial, dengan beberapa pihak mendakwa bahawa UM sedang mempromosikan agenda politik tertentu.

hadapi orang Yahudi tidak akan
mendapat sambutan yang sama
dalam undangan ini. Dr Zambry
menjawab dengan berkata, UM
tidak akan mengabaikan siapa
saja yang datang ke sini.

Dr Zambry berkata, UM
tidak akan mengabaikan siapa
saja yang datang ke sini.

Dr Zambry berkata, UM
tidak akan mengabaikan siapa
saja yang datang ke sini.

Laporan Sinar Harian pada
Jumaat.

KEHIDUPAN YANG BERMARUAH

Peliharalah martabat diri dengan sifat dianjurkan agama



Bersama
Prof Dr
Engku Ahmad Zaki
Engku Alwi



Agama
sewajibnya
berfungsi
sebagai
momentum
konkrit yang
mengakari
dalam setiap
ruang lingkup
kehidupan
manusia hingga
mampu
memantulkan
nilai-nilai Islam
kepada seluruh
umat manusia



Kehidupan dunia ini pada hakikatnya merupakan jambatan menuju ke alam akhirat yang kekal abadi. Dengan erti kata lain, setiap insan adalah seumpama seorang pengembara berkelana yang berpindah randah sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Apakah erti dunia bagiku. Hubunganku dengan dunia ini laksana seorang pengembara yang sedang berjalan di bawah kepanasan terik mentari. Tiba-tiba kelihatan olehnya sebatang pohon lalu dia berteduh sejenak di bawah bayangan teduhannya. Sesaat kemudian, dia pun akan berlalu pergi meninggalkan tempat tersebut. (Hadis riwayat Tirmizi)

Dalam hal ini, Luqman al-Hakim seorang ahli hikmah yang Allah rakamkan kisahnya dan akhirnya diabadikan namanya di dalam al-Quran dengan satu surah yang dinamakan surah Luqman, pernah ditanya oleh anaknya: "Apakah satu benda yang paling baik dimiliki oleh setiap orang?"

Luqman menjawab: "Agama." Si anak bertanya kembali: "Jika dua?"

Ujar bapanya: "Agama dan harta."

"Jika tiga?"

"Agama, harta dan sifat malu."

"Jika empat?"

"Agama, harta, sifat malu dan akhlak yang baik."

"Jika lima?"

"Agama, harta, sifat malu, akhlak yang baik dan sifat dermawan."

"Jika enam?"

Luqman berkata: "Wahai anakku! Jika kelima-lima perkara tersebut terkumpul pada diri seseorang, maka dia akan menjadi seorang yang bersih dan terpelihara ketakwaannya serta selamat daripada godaan syaitan."

Nasihat Luqman al-Hakim di atas menyingkapkan satu sisi pandangan hidup yang realistik dan amat relevan untuk mengangkat martabat dan maruah seseorang manusia di dalam kelompok masyarakat iaitu beragama, berharta, memiliki sifat malu, mempunyai akhlak yang baik dan bersifat dermawan terhadap orang yang



KITA tidak sewajarnya meminggirkan terus agama dari landasan hidup dalam kesibukan kita mengejar kemewahan dunia.

memerlukan.

Agama satu keperluan hakiki yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan setiap manusia di muka bumi ini. Ini kerana agama akan menjadikan seseorang manusia itu memiliki kekuatan rohani, moral dan mental untuk mengharungi cabaran hidup sehingga dapat menyesuaikan diri dengan segala keadaan hidup yang penuh dengan onak dan duri. Dengan agama, seorang manusia akan sentiasa bersifat bersungguh-sungguh, tabah dan terbuka dalam mendepani cabaran hidup di hadapannya.

Hakikat beragama sebenarnya menuntut kita menjadikan agama sebagai teras kehidupan semasa. Ini bermakna, kita tidak sewajarnya meminggirkan terus agama dari landasan hidup dalam kesibukan kita mengejar kemewahan dunia dan bergelut dengan ledakan globalisasi, modernisasi dan dunia tanpa sempadan yang semakin rancak di pentas kehidupan dunia kini.

Oleh itu, agama sewajibnya berfungsi sebagai momentum konkrit yang mengakari dalam setiap ruang lingkup kehidupan manusia hingga mampu memantulkan nilai-nilai Islam kepada seluruh umat manusia.

Harta pula merupakan keperluan asasi yang menghiasi kehidupan setiap manusia dalam rangka untuk memelihara maruah dan kehormatan diri, mengelakkan diri dari meminta-minta daripada orang lain dan menjadi beban kepada orang lain di samping dapat menunaikan perintah agama yang menganjurkan umatnya

supaya mencari keseimbangan hidup dunia dan akhirat.

Seorang penyair Arab terkenal pernah bermadah: "Alangkah indahnya hidup ini bila terhimpun agama dan harta pada diri seseorang manusia, dan alangkah malangnya bila terkumpul pula kekufuran dan kemiskinan dalam diri seseorang manusia."

Sehubungan itu, Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya Fiqh al-Awlawiyyat pernah menyatakan satu pertanyaan yang menarik untuk renungan kita iaitu "manakah yang lebih utama dan lebih banyak pahalanya di antara orang kaya tetapi bersyukur berbanding dengan orang yang miskin tetapi bersabar? Menurut al-Qaradawi, orang kaya yang bersyukur lebih baik dan utama berbanding dengan orang miskin yang bersabar.

Dalam masa yang sama, dalam usaha seseorang untuk mencari harta kekayaan, dia seharusnya memiliki sifat malu. Bagi seorang Muslim yang beriman, perkara yang utama semasa mencari harta adalah bagaimana harta kekayaan itu akan diperolehinya, bukannya berapa banyak jumlah harta kekayaan yang akan diraihnya!

Oleh sebab itu, jika sifat malu tiada, orang tidak akan berfikir lagi pada persoalan bagaimana sewajarnya mencari harta, sebaliknya dia berfikir bagaimana untuk memperolehi harta dengan lebih cepat!

Seorang sahabat pernah bertanya kepada Rasulullah: Apakah amalan yang menyebabkan seseorang itu

dicintai Allah dan dicintai sesama manusia? Jawab Rasulullah: Janganlah tamak terhadap harta nescaya kamu akan dicintai Allah, dan jangan pula kamu tamak terhadap hak-hak orang lain, pasti kamu akan dicintai manusia ramai. (Hadis riwayat Ibnu Majah)

Selanjutnya, perjuangan manusia untuk meraih kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia ini tidak dapat lari dari akhlak, moral dan budi pekerti yang merupakan hasil atau buah yang lahir daripada sifat beragama yang bertapak dalam jiwa seseorang manusia. Akhlak yang baik merupakan benteng yang kukuh apabila berdepan dengan segala musibah dan ujian hidup yang melanda.

Akhirnya, akhlak yang baik akan melahirkan sifat dermawan dan pemurah kepada golongan yang memerlukan. Kehidupan yang bermaruah dan bermartabat ialah sebuah kehidupan yang bermanfaat kepada orang lain. Ini kerana manusia sememangnya tidak dapat untuk hidup bersendirian atau berseorangan tanpa kewujudan anggota masyarakat di sekelilingnya. Kemuncak keharmoniaan dan kesejahteraan hidup ialah wujudnya sifat toleransi dan dermawan di kalangan warga manusia sehingga lahirnya kasih sayang sesama mereka di dalam sebuah negara yang aman damai di bawah keredaan Ilahi.

Penulis Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Penggunaan Kad MySiswa yang juga kad pintar pelbagai guna di semua Universiti Awam (UA) adalah inisiatif terbaik daripada kerajaan kepada pelajar serta transformasi secara menyeluruh daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) selaras dengan perkembangan teknologi terkini.

Bermula dengan cetusan idea yang diusulkan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) pada 2020, KPT melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) menyambut hasrat itu sebagai refleksi sentiasa peka serta memahami denyut nadi golongan mahasiswa.

Kad MySiswa adalah transformasi kad matrik pelajar sedia ada menjadi sekeping kad pintar pelbagai fungsi.

Antaranya sebagai kad debit bank, kad akses kepada kemudahan dan fungsi dalaman kampus yang bersepadu seperti sistem kehadiran, sistem perpustakaan, malah ia turut dilengkapi dengan kemudahan e-dompot.

Bukan itu saja, Kad MySiswa akan berfungsi sebagai kad promosi dan diskaun yang melayakkan pemegangnya menikmati pelbagai tawaran istimewa, potongan harga dan rebat daripada pedagang terpilih, sama ada di dalam mahupun di luar kampus.

Menariknya, setakat Mac 2024, lebih 100 pedagang dan 319 vendor baharu di sekitar lokaliti kampus UA yang menawarkan keistimewaan eksklusif, diskaun juga promosi kepada pemegang Kad MySiswa.

Rata-rata pelajar menyambut baik pelaksanaan Kad MySiswa selain menyifatkan inisiatif itu selaras dengan perkembangan teknologi terkini.

Perwakilan Eksekutif Akademi Pengajian Melayu, Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) Universiti Malaya (UM), Muhd Firdaus Anuar, 23, berkata Kad MySiswa juga adalah salah satu dasar kerajaan untuk mewujudkan kemudahan kepada pelajar.

Katanya, walaupun kad ini kekal sebagai kad matrik tetapi ia ditambah baik dan menawarkan pelbagai fungsi yang secara tidak langsung memudahkan kehidupan pelajar.

"Mesin ATM yang terdapat di universiti adalah terhad dan memerlukan pelajar beratur panjang. Dengan Kad MySiswa ini, pelajar tidak perlu lagi menggunakan tunai dalam se-



SEKUMPULAN pelajar memegang Kad MySiswa yang diguna pakai bagi mempelbagaikan fungsi kad matrik pelajar seperti bantuan terus kepada akaun pelajar, kemudahan promosi serta transaksi *cashless* di kampus Universiti Malaya.

TRANSFORMASI KAD MATRIK

Kad MySiswa merupakan kad pintar pelbagai fungsi



PELAJAR menggunakan Kad MySiswa bagi transaksi *cashless*.

gala urusan," katanya.

Bagi pelajar tahun dua Sarjana Muda Pendidikan Islam Pengajian Al-Quran UM, Siti Noor Fairuz M Fariddudin, 23, menerusinya, pelajar bebas bergerak dan membuat sebarang urusan di dalam dan luar kampus kerana semua maklumat boleh diakses menerusi Kad MySiswa ini.

Bukan ini sahaja, kad ini juga adalah kad promosi atau diskaun untuk makanan dan minuman, keshihatan dan penjagaan diri dan banyak lagi.

"Menariknya mengenai kad ini, pelajar tidak perlu membuat permohonan sebaliknya Kad MySiswa ini

akan diberikan secara automatik oleh pihak universiti semasa mendaftar.

"Kad MySiswa ini juga sangat menguntungkan pelajar dengan pelbagai tawaran dan promosi menarik termasuk diskaun semasa membeli buku di Pesta Buku, makanan dan minuman di restoran atau kafe yang mengambil bahagian dan banyak lagi," katanya.

Bagi Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Terengganu, Megat Muhammad Daniel Azlinzal, 21, penggunaan Kad MySiswa memberi kemudahan kepada pelajar ke-

rana ia datang dengan akses kad debit RHB Islamic Bank Berhad.

Katanya, Kad MySiswa yang berfungsi sebagai kad promosi dan diskaun dengan pelbagai tawaran istimewa, potongan harga serta rebat daripada kedai terpilih secara tidak langsung membantu universiti ke arah kampus tanpa tunai seiring dengan peradaran zaman.

"Saya berharap diskaun, rebat dan promosi dari penggunaan Kad MySiswa ini diperluaskan lagi demi membantu kebajikan pelajar dalam aspek kos sara hidup yang kian meningkat.

"Oleh itu, saya ingin mengingatkan semua rakan untuk menggunakan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan dengan sebaiknya dan sentiasa menjaga Kad MySiswa daripada hilang," katanya.

Sementara itu, Yang di-Pertua MPP Universiti Utara Malaysia, Syahril Sofian berkata penggunaan Kad MySiswa ini adalah inisiatif yang ditunggu-tunggu pelajar daripada pihak Kerajaan untuk membantu pelajar.

Katanya, sebenarnya Kad MySiswa ini bertindak sebagai *One Tool For Everything* kerana selain menjadi identiti pelajar, ia juga bertindak sebagai medium bagi memberikan manfaat seperti diskaun.

"Saya akui, pada masa kini terdapat banyak sektor swasta yang terbabit sama dalam memberikan promosi dan diskaun kepada pemegang Kad MySiswa.

"Namun, saya berpendapat supaya ada usaha daripada pihak kerajaan mahupun masyarakat yang lebih jitu dalam memperbanyakan lagi sektor swasta yang membantu dalam memenuhi keperluan asas pelajar sekali gus turut serta dalam perkara ini," katanya.

Pada masa ini, Kad MySiswa diwajibkan penggunaannya di Universiti Awam bertujuan penyeragaman identiti mahasiswa.

Bagaimanapun, KPT sedang meneliti kebolehlaksanaan inisiatif ini untuk



Banyak sektor swasta memberi promosi dan diskaun kepada pemegang Kad MySiswa"

Syahril



Saya harap diskaun, rebat dan promosi dari penggunaan Kad MySiswa ini diperluaskan"

Megat Muhammad Daniel

diperluaskan kepada pelajar politeknik dan kolej komuniti seterusnya kepada mahasiswa di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

Exco Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Merlimau Melaka, Muhammad Nabil Hazli berkata cadangan untuk menggunakan Kad MySiswa di Politeknik, Kolej Komuniti dan IPTS adalah sangat relevan.

Katanya selain mempunyai faedah yang banyak ia juga dapat menunjukan politeknik dan kolej komuniti sentiasa mengambil inisiatif kemajuan setaraf Universiti Awam.

"Selain berfungsi sebagai kad matrik, kad ini juga memudahkan dan menguntungkan pelajar kerana mereka akan memperoleh faedah pengajian seperti potongan harga apabila mahu untuk membeli sesuatu," katanya.

Rebut peluang ikuti pengajian TVET di Jerman

Pasangan suami isteri antara lima individu dihantar ikuti latihan selama 3 tahun

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Polisi akses pendidikan percuma di Jerman yang wujud daripada kepercayaan pemimpin bahawa pendidikan adalah hak sejagat bukan sahaja mewujudkan peluang kepada rakyat negara itu, tetapi juga rakyat negara luar.

Manfaat ini dapat dicapai, menerusi jalinan kerjasama perkongsian ilmu serta teknologi baharu antara negara, khususnya bidang pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET).

Ini kerana Jerman sebuah negara yang terkenal dengan kualiti dalam bidang TVET, selain ia bertepatan dengan hasrat kerajaan negara ini untuk

2030 PERAK SEJAHTERA

memperkasakan pendidikan TVET.

Pasangan suami isteri, Muhammad Aizat Zulkiffly, 30, dan Farah Nadirah Sharudin, 30, telah merebut peluang ini dan menjadi antara lima individu anak Perak yang akan dihantar mengikuti Program Latihan Dual Vokasional di Jerman (GDVT) atau 'Ausbildung' selama tiga tahun bermula Oktober ini.

Program berbentuk dua kaedah pembelajaran iaitu secara latihan vokasional dan teori itu akan menempatkan pesertanya di syarikat sektor swasta di Jerman bagi menjalani latihan praktikal yang seakan konsep *internship*.

Selain disediakan elaun mengikut kadar mata wang negara itu, peserta akan mengikuti pembelajaran secara teori yang dilaksanakan di institusi voka-

sional awam berdekatan dengan penempatan kerja di sana.

Farah Nadirah berkata, dia dan suami sememangnya berhasrat melanjutkan pengajian di luar negara, tetapi tidak kesampaian disebabkan beberapa kekangan, khususnya kewangan.

Minat bidang perhotelan

Farah Nadirah yang merupakan pemegang ijazah sarjana muda bidang sumber manusia, berkata bidang pengurusan perhotelan amat diminatinya.

Namun, dia terpaksa meninggalkan bidang itu beberapa tahun lalu atas beberapa faktor, seterusnya beralih dalam bidang perbankan.

"Apabila ada peluang sebegini saya cakup dengan suami supaya mencuba nasib dan Alhamdulillah, kami berdua terpilih selepas menghadiri temu duga pada November lalu.

"Suami dipilih mengikuti program itu dengan penumpuan kepada jurusan TVET berkaitan teknikal. Saya pula dipilih selepas melalui perbincangan tertentu dan pengendali program bersetuju saya mengikuti bidang pengurusan perhotelan.

"Walaupun kami berdua sudah mencecah usia 30-an, selain sudah berumahtangga dan ada anak, kami percaya peluang yang ada di depan mata sewajarnya kami rebut," katanya kepada BH.

Ibu dua anak yang berusia enam tahun dan sembilan bulan itu berkata, apa yang pasti pembabitannya dalam program ini, sekali gus memberinya peluang mempelajari budaya dan sistem pendidikan di Jerman, selain berpeluang meneruskan kerjaya di sana selepas program tamat.

Farah Nadirah berkata, ke-

tika ini dia dan suami sedang mengikuti kursus bahasa Jerman bagi tahap A1 hingga B2 di Cyberjaya, Selangor sebagai persediaan sebelum ke Jerman Oktober nanti.

German Dual Vocational Training (GDVT) dilaksanakan menerusi kerjasama antara Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) sebagai Sekretariat Jawatankuasa TVET Negeri Perak; bersama FELCRA Education Services Sdn Bhd dan Study Germany Sdn Bhd.

Menerusi pelan pembangunan negeri Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, Koridor TVET Malaysia diletakkan sebagai antara inti pati (flagship) bahkan satu dari enam agenda utama yang mahu dicapai dengan PASAK diletakkan sebagai antara agensi penerajunya.



Farah Nadirah dan suami, Muhammad Aizat (kanan) bersama tiga lagi individu anak Perak yang akan mengikuti Program Latihan Dual Vokasional di Jerman. (Foto ihsan Farah Nadirah Sharudin)